

Biodata Penulis



DR. ARINA JOHARI

Merupakan pensyarah senior di Kuliah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kampus Pagoh. Berkelulusan PhD dalam bidang Pragmatik Bahasa Melayu (Universiti Malaya) dan berpengalaman dalam dunia pendidikan selama lebih 15 tahun. Beliau telah menerbitkan pelbagai kajian dan buku penerbitan yang menyoal bidang kesantunan pragmatik, pragmatik linguistik, pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing, analisis wacana dan sebagainya di jurnal tempatan dan antarabangsa. Beliau juga aktif memberikan ceramah berkaitan Pengucapan Awam, Etika Kesantunan berbahasa dan motivasi di sektor-sektor pendidikan awam dan swasta.



DR. NOR ZAINIYAH NORITA MOKHTAR

Berkelulusan PhD dalam bidang Pragmatik Bahasa Inggeris (The University Shefield, United Kingdom) dan merupakan pensyarah senior di Kuliah Bahasa dan Pengurusan, UIAM kampus Pagoh. Berpengalaman selama lebih 20 tahun dalam bidang pendidikan dan telah menerbitkan pelbagai kajian dan buku penerbitan yang menyoal bidang Kaedah Penyelidikan, Pragmatik, Semantik dan sebagainya di jurnal tempatan dan antarabangsa. Bidang kepakaran beliau ialah pragmatik, semantik, kaedah penyelidikan sains sosial dan komunikasi antara budaya. Beliau aktif sebagai penceramah dalam kursus atau bengkel penyelidikan untuk pembangunan staf di UIAM.



AL-FATEH MUHAMMAD SAAD

Merupakan mahasiswa tahun akhir dalam jurusan Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa (MLCOM) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Pagoh. Berumur 23 tahun dan aktif menyertai program-program di bawah pimpinan dan bimbingan pensyarah di UIAM kampus Pagoh dan salah satu program yang disertai merupakan program Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness) dan merupakan salah seorang ahli jawatankuasa tinggi dalam menjayakan program tersebut.



DR. NURUL HANILAH MOHD. ISMATH

Berkelulusan PhD dalam bidang Linguistik Bahasa Arab (University of Jordan, Jordan). Beliau merupakan pensyarah senior di UIAM dan telah menerbitkan pelbagai kajian serta penerbitan dalam jurnal tempatan dan antarabangsa seperti International Academic Journal Al-DAD 2012, Jabatan Bahasa Arab dan Middle Eastern Language, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya dan sebagainya. Bidang kepakaran beliau ialah pragmatik dan linguistik bahasa Arab.



DR. MOHD. ZUBER ISMAIL

Berkelulusan PhD dalam bidang Kesusasteraan Melayu (Universiti Malaya) dan merupakan seorang pensyarah senior di Kuliah Bahasa dan Pengurusan, UIAM kampus Pagoh. Beliau merupakan pensyarah bagi program Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa. Beliau telah berkecimpung dalam dunia pendidikan selama 20 tahun dan aktif menulis rencana umum di majalah-majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka selain penerbitan buku-buku ilmiah yang lain.



DR. SITI YULIANDI AHMAD

Berkelulusan PhD dalam bidang Sains Pengguna (Kewangan) dari Universiti Putra Malaysia dan telah berkhidmat sebagai pensyarah senior di Kuliah Bahasa dan Pengurusan, UIAM kampus Pagoh. Beliau berkepakaran dalam bidang ekonomi dan kewangan serta mengajar kursus Interpretasi Data bagi pelajar-pelajar tahun tiga di kampus Pagoh. Beliau juga aktif menulis dalam bidang ekonomi dan kewangan di jurnal-jurnal tempatan serta antarabangsa.



KEMBALIKAN KESANTUNAN (REBOOT POLITENESS)

MODUL DAN PENGISIAN PROGRAM KESANTUNAN DI IPT

ARINA JOHARI
NOR ZAINIYAH NORITA MOKHTAR
AL-FATEH MUHAMMAD SAAD
NURUL HANILAH MOHD. ISMATH
MOHAMAD ZUBER ISMAIL
SITI YULIANDI AHMAD

Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*):

Modul dan Pengisian Program
Kesantunan di IPT

Arina Johari
Nor Zainiyah Norita Mokhtar
Al-Fateh Muhammad Saad
Nurul Hanilah Ismath
Mohd. Zuber Ismail
Siti Yuliandi Ahmad

KEMBALIKAN KESANTUNAN (*REBOOT POLITENESS*): MODUL DAN PENGISIAN PROGRAM KESANTUNAN DI IPT

Cetakan Pertama 2021

©

Hak cipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman, dan cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis. Perundingan tertakluk pada perkiraan bayaran yang munasabah berdasarkan harta intelek kandungan buku.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Arina Johari, 1975-

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness) : Modul dan Pengisian Program Kesantunan di IPT / Arina binti Johari, Nor Zainiyah Norita binti Mokhtar, Muhammad Al-Fateh bin Saad, Nurul Hanilah binti Mohd. Ismath, Mohamad Zuber bin Ismail, Siti Yuliandi binti Ahmad.

ISBN 978-967-25854-0-4

1. Politeness (Linguistics).
2. Courtesy.
3. Islamic etiquette.
4. Manners and customs.

I. Nor Zainiyah Norita Mokhtar, 1973-. II. Muhammad Al-Fateh Saad, 1998-.

III. Nurul Hanilah Mohd. Ismath, 1984-. IV. Mohamad Zuber Ismail, 1973-.

V. Siti Yuliandi Ahmad, 1988-. VI. Judul.

306.44

Dicetak dan diterbitkan oleh:

PBE ONE STOP CENTRE (PG0451573-V)

No. 107, Jalan Mutiara Biru,
Taman Mutiara Sungai Kob,
09700 Karangan, Kedah

Tel: 04-405 0155

HP: 019-400 5294

Penulis: Arina Johari, Nor Zainiyah Norita Mokhtar, Al-Fateh Muhammad Saad,
Nurul Hanilah Mohd. Ismath, Mohd. Zuber Ismail, Siti Yuliandi Ahmad

Pereka Bentuk: Ahmad Amirul Arif

Sekalung Penghargaan

Buat Pelajar Kuliah Bahasa dan Pengurusan, UIAM Pagoh

Terutama yang mengambil kursus BMCO 3102 Kesantunan Bahasa, BMCO 2107 Pragmatik dan Wacana, ENCO 3102 *Semantics* dan ARCO 2101 *Intercultural Communication* bagi Semester 1 2019/2020; serta Persatuan Perwakilan Pelajar Mahalah Zaid, UIAM Pagoh 2019/2020 yang telah bertungkus lumus melaksanakan program “Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*) Menuju Keharmonian Malaysia dan Global” di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berlangsung pada 23 November 2019 di Hub Pendidikan Tinggi Pagoh. Penglibatan pelajar bagi kursus yang dirujuk adalah sebagai usaha dalam memenuhi keperluan penilaian projek kursus masing-masing.

Buat Pihak Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF), Quran Hour dan Rumah Ngaji

Terima kasih daun keladi kerana sudi bekerjasama dan memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada pelajar-pelajar yang terlibat untuk mengendalikan program ini. Banyak pengalaman berharga yang dapat dimanfaatkan oleh pelajar terutama dalam mencorakakan masa depan kerjaya mereka selepas bergraduat.

Semoga segala usaha murni yang telah dilaksanakan ini bakal menjadi ladang pahala buat kita semua dalam menempuh perjalanan ke negeri abadi kelak.

KANDUNGAN

<i>Senarai Rajah Dan Jadual</i>	IV
<i>Kata Pengantar</i>	V
<i>Prakata</i>	VI
BAB 1 PENGENALAN	1
Globalisasi dan Implikasi Nilai Masyarakat	5
Definisi Kesantunan Bahasa	9
Amalan Kesantunan	16
Isu Kesantunan di Malaysia	18
Kembalikan Kesantunan (<i>Reboot Politeness</i>)	25
BAB 2 MODUL DAN PENGISIAN PROGRAM KESANTUNAN ISLAMI	27
Bahagian I:	28
A. Pengenalan Program	28
B. Pembahagian Acara dan Pengisian Program	30
Bahagian II:	33
A. Pendekatan dan Penghayatan Islam Sebagai Landasan Modul	33
B. Kerangka Konsep	34
Bahagian III:	36
A. Bimbingan dan Latihan	36
B. Gerak Kerja Berkumpulan	37
Bahagian IV:	38
Perlaksanaan Acara	38
BAB 3 KESANTUNAN DAN ISLAM	40
Kesantunan Dalam Al-Quran	42
Santun Sebagai Manifestasi Aqidah	45
Santuna Sebagai Manifestasi Ibadah	47
Santunan Sebagai Manifestasi Akhlak	48
Pemupukan Semula Nilai Murni	49
BAB 4 REFLEKSI PESAN KESANTUNAN	54
Ucuptama Pesan Kesantunan Oleh Dato' Dr. Nooh Bin Gadot	55
Ekstrak Tadabbur dan Tazakkur Oleh Tn. Hj. Fazrul Ismail (Moderator)	58
Ekstrak Kesantunan Panel 1	61
Ekstrak Kesantunan Panel 2	63
Ekstrak Kesantunan Artis Undangan	65
Apa Kata Mahasiswa?	68
Kesimpulan	79
BIBLIOGRAFI	81
LAMPIRAN	83

SENARAI RAJAH DAN JADUAL

Rajah

Rajah 1	Faktor Kembalikan Kesantunan (<i>Reboot Politeness</i>)	25
Rajah 2	Nilai Yang Berkait dengan Kesantunan Dalam Surah al-Fatihah	33
Rajah 3	Kerangka Konsep Kembalikan Kesantunan (<i>Reboot Politeness</i>) - 4K	35
Rajah 4	Prinsip IHTEE	39

Jadual

Jadual 1	Pembahagian Kerja Kursus dan Peratus Markah	29
Jadual 2	Kerjasama Program Kesantunan di IPT	29
Jadual 3	Acara dalam Program Kembalikan Kesantunan di IPT	30
Jadual 4	Kategori Pertandingan Video Pendek <i>Reboot Politeness</i>	32
Jadual 5	Makna Ayat dalam Surah Al-Fatihah dan Nilai	34
Jadual 6	Aplikasi Kerangka Konsep 4K dalam Gerak Kerja Berkumpulan	37
Jadual 7	Ayat Al-Quran dan Terjemahan Berkait Kesantunan	43
Jadual 8	Pesan Kesantunan Oleh Dato' Dr. Nooh Gadot	55
Jadual 9	Tadabbur dan Tazakkur Oleh Tn. Hj. Fazrul Ismail	58
Jadual 10	Ekstrak Kesantunan Oleh Panel 1 - Akhmal Hakim Mohamad	61
Jadual 11	Ekstrak Kesantunan Oleh Muhammad Afiq Ismail	63
Jadual 12	Ekstrak Kesantunan Oleh Raqib Majid	65

KATA PENGANTAR

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya buku tentang usaha membugar kembali nilai kesantunan dalam diri masyarakat secara umumnya dan mahasiswa IPT khususnya ini dapat diterbitkan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Pihak Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF), *Quran Hour* dan Rumah Ngaji kerana telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam pengendalian program bertemakan “*Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness) Menuju Keharmonian Malaysia dan Global*” di peringkat IPT pada 23 November 2019 lalu, bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Hub Pendidikan Tinggi Pagoh. Program ini merupakan hasil inisiatif tenaga pengajar, iaitu saya dan rakan-rakan serta para pelajar yang mengambil kursus BMCO 3102 Kesantunan Bahasa, BMCO 2107 Pragmatik dan Wacana; ENCO 3102 *Semantics* dan ARCO 2101 *Intercultural Communication* pada Semester 1 2019/2020 sebagai memenuhi keperluan penilaian kursus (projek) masing-masing.

Besar harapan saya agar penulisan yang menggarap dan memaparkan sepenuhnya pesan-pesan kesantunan daripada tetamu undangan yang bukan calang-calang orangnya seperti Dato’ Dr. Nooh Bin Gadot merangkap Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Ustaz Fazrul Ismail - Ketua Pegawai Penyelidik WUIF, Saudara Akhmal Hakim Mohamad - wakil pelajar tahun akhir Kuliah Bahasa dan Pengurusan, UIAM dan Saudara Afiq Ismail - wakil anak muda (*Social Media Influencer*). Buku ini juga cuba mengetengahkan modul pengisian program kesantunan berlandaskan al-Quran dan Sunnah yang boleh dilaksanakan di mana-mana IPT dalam usaha mendorong kesedaran dan perubahan sikap serta nilai diri mahasiswa/masyarakat yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam kasus ini.

Semoga penulisan buku ini akan dapat menambah pengetahuan dalam kalangan pelajar yang bakal mengambil kursus yang terlibat secara khususnya, mahupun pelajar IPT lain secara amnya yang sekali gus akan dapat menyemai semangat dalam mengembalikan nilai murni yang semakin sirna dalam kalangan masyarakat kita hari ini berlandaskan al-Quran dan Sunnah.

Dr. Arina Johari

Jabatan Bahasa Melayu,
Kulliyah Bahasa dan Pengurusan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

PRAKATA

Buku ini menyetengahkan modul program kesantunan bahasa di peringkat IPT yang berteraskan al-Quran dan Sunnah, iaitu “*Kembalikan Kesantunan Menuju Keharmonian Malaysia dan Global*” yang telah berlangsung pada 23 November 2019 di Hub Pendidikan Tinggi Pagoh. Program ini dilaksanakan oleh pelajar yang mengambil kursus BMCO 3102 Kesantunan Bahasa, BMCO 2107 Pragmatik dan Wacana; ENCO 3102 *Semantics*; dan ARCO 2101 *Intercultural Communication* sebagai memenuhi keperluan penilaian kursus masing-masing dengan kerjasama pihak Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) dan Rumah Ngaji.

Bab 1 mengupas tentang pengenalan program Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*), mendedahkan definisi kesantunan berbahasa menurut perspektif orang Melayu. Amalan kesantunan dalam kalangan masyarakat di Malaysia turut dihurai dan dibincangkan dengan memperlihatkan fenomena nilai santun dalam diri individu yang semakin sirna dan membimbangkan sehingga memerlukan program-program yang dirangka untuk tujuan mengembalikan kesantunan dalam diri mereka.

Bab 2 pula menyetengahkan modul program Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*) dalam kalangan pelajar IPT dan masyarakat setempat. Modul ini dirangka dan diubah suai hasil perbincangan dengan pihak penaja utama, iaitu WUIF dengan menerapkan al-Quran dan Sunnah sebagai teras modul dan pengisian sama ada sebelum mahupun selepas program dilaksanakan.

Seterusnya, **Bab 3** membincangkan nilai kesantunan dari perspektif Islam, iaitu berlandaskan al-Quran dengan melihat perilaku santun seseorang itu sebagai suatu ibadah kepada pencipta-Nya. Ia berkait dengan prinsip Islam, iaitu *hablum minnallah* (hubungan antara manusia dengan Allah SWT). Kesantunan dilihat dari sudut signifikasinya sebagai manifestasi terhadap aqidah, ibadah dan akhlak seseorang terhadap perintah Allah Taala. Turut dipaparkan kepentingan melakukan aktiviti yang boleh memupuk semula nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Bab 4 memaparkan refleksi dan anekdot daripada pesan kesantunan, tadabbur dan tazakur serta bicara ahli panel undangan dalam program Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness) yang boleh dijadikan rujukan menggunakan kerangka “Kembalikan Kesantunan 4K” yang telah digariskan. Ucapan, pandangan dan idea yang diberikan oleh setiap tetamu undangan dan ahli panel diskusi dihubungkan dengan amalan kesantunan yang boleh dijadikan panduan oleh individu dalam menangani kehidupan yang kompleks pada hari ini. Bab ini juga memaparkan pandangan dan komen oleh para pelajar sepanjang penglibatan mereka dalam program ini sama ada sebagai komiti atau peserta. Seterusnya, bab ini diakhiri dengan kesimpulan yang menjelaskan tentang keperluan diadakan program sebegini dalam membantu masyarakat melakukan jihad nilai dalam diri mereka demi mencapai kehidupan yang harmoni dan bebas konflik.

Buku ini boleh dijadikan bahan bacaan yang sesuai dengan individu yang berminat untuk mengkaji pemakaian bahasa dari sudut ilmu pragmatik (kesantunan), penuntut bidang bahasa sama ada di sekolah mahupun IPT, tenaga pengajar di IPT yang bakal mengadakan penilaian kursus bersifat projek serta sesiapa sahaja individu yang berminat menganjurkan program memupuk kembali nilai-nilai kesantunan yang telah semakin sirna dalam kalangan masyarakat hari ini.

Akhir kata, diharapkan buku ini akan dapat memberi sumbangan yang besar dalam bidang ilmu pragmatik sekali gus menjadi pemangkin kepada individu yang ingin menghasilkan penulisan berbentuk modul intensif berteraskan pemupukan nilai yang mesra khalayak di masa akan datang.

Arina Johari

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

BAB 1

P E N G E N A L A N

Isu mengenai kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat di negara ini boleh dikatakan bukan satu isu yang baharu. Sehingga buku ini ditulis, boleh dikatakan isu tersebut sudah lali menerjah ke telinga masyarakat. Apabila membicarakan mengenai isu ini, tidak lain kita akan menyentuh mengenai perlunya setiap individu mematuhi set-set perilaku yang dianggap halus, baik, tidak menimbulkan kebimbangan dan yang tidak bertentangan dengan norma seperti mana yang diingini oleh masyarakat. Keinginan tersebut sudah pasti merujuk kepada aspirasi untuk hidup secara harmoni dan jauh daripada kerisauan serta kebimbangan yang diakibatkan oleh salah laku ahli masyarakat, lebih-lebih lagi dalam senario kepelbagaian kaum yang ada di negara ini. Maka, isu kesantunan bukan setakat berkisar tentang bagaimana seseorang harus menggunakan bahasa dengan baik tetapi ia juga dalam masa yang sama berupaya mencerminkan perilaku dan tindakan yang bertatasusila sehingga boleh membawa kepada matlamat kehidupan sejagat yang harmoni dan bebas konflik.

Agenda dan implikasi isu kesantunan yang cukup signifikan ini menjadikan kasus mengenai perilaku segelintir ahli masyarakat yang sirna nilai sopan santun sama ada dalam tutur kata mahupun tindakan sering kali mendapat perhatian dan mengundang perbincangan yang bukan kecil di pelantar media sosial. Apabila muncul isu-isu yang memaparkan kebiadaban mereka yang segelintir ini, setiap ahli masyarakat tidak kira usia seperti berlumba-lumba mengetuk papan kekunci masing-masing dengan tujuan sama ada sekadar memberikan pandangan yang biasa-biasa, sedikit membidas, mengajar berfikir, mencari punca atau alternatif malah sehingga ada yang cuba membuka ruang berbahas sekali gus membuat provokasi tertentu. Segelintir ahli yang sirna nilai budi pekerti dan akhlak ini pula bukan hanya mewakili golongan muda atau remaja sahaja, bahkan menjalar sehingga ke golongan dewasa atau terpelajar. Hal ini dapat dilihat dengan isu-isu yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah yang cenderung menggunakan kata-kata kesat sama ada dengan rakan sebaya mahupun terhadap guru yang sedang mengajar, sering membuat provokasi, mengejek, menghina (*body shaming*) malah ke suatu tahap terlibat dengan gejala arak, dadah sehinggalah ke jenayah yang lebih berat.

Sementara golongan yang lebih dewasa, tidak terkecuali dengan perilaku tandus nilai seperti berasa hebat dengan kata-kata kesat yang dihambur di media sosial (*keyboard warrior*), memaki hamun pihak pemerintah dengan bebas sehingga ke suatu tahap boleh menimbulkan kegusaran dalam kalangan ahli masyarakat apabila isu-isu perkauman menjadi permainan mereka tidak mengira tempat dan waktu. Hal ini sudah pasti amat membimbangkan kerana golongan yang segelintir ini jumlahnya semakin bertambah dari sehari ke sehari.

Oleh itu, usaha untuk membugar kembali nilai diri yang positif dan luhur dalam kalangan masyarakat merupakan suatu agenda yang harus dipikul bersama-sama oleh semua pihak. Ia ibaratnya *seperti api dalam sekam* yang jika dibiarkan semakin lama akan menimbulkan suasana bahaya kepada kehidupan bebas konflik yang ingin dicapai oleh negara. Bayangkan jika kita terpaksa hidup dalam masyarakat yang sangat individualistik, berhujah atau berkata-kata secara membabi buta tanpa memikirkan kesan ke atas perasaan orang lain, anak-anak berasakan penghormatan terhadap ibu bapa sesuatu yang kolot dan ketinggalan, manakala golongan dewasa semakin sombong dan bongkak dengan pencapaian diri sehingga memandang rendah terhadap orang lain, saling bermusuhan di antara satu sama lain. Nilai maaf-memaafkan menjadi sesuatu yang sukar bahkan tiada keikhlasan manakala unsur fitnah dan dendam menjadi kelaziman. Adakah kita boleh menjalani kehidupan dengan tenang?

Mengapa situasi ini berlaku? Siapa yang harus dipertanggungjawabkan? Itu antara persoalan yang kerap kita dengar atau berulang kali dijadikan hujah retorik sehingga jawapan-jawapan yang dipaparkan bukan setakat mewakili golongan pelajar sekolah rendah ketika menjawab soalan peperiksaan, bahkan sehingga menjadi perhatian ahli-ahli politik ketika berbahas di antara mereka. Namun, kesirnaan dan keruncingan peribadi serta akhlak masyarakat hari ini semakin meningkat dan menebal, tidak pernah memperlihatkan penyusutan. Seolah-olah tiada jalan penyelesaian yang benar-benar mampu mengekang fenomena ini walaupun ironinya

pelbagai jawapan telah dilafazkan oleh pelbagai pihak dan usaha-usaha menyedarkan masyarakat telah dijalankan sejak sekian lama.

Jika diteliti, corak komunikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini sudah berubah dengan drastik. Ini disebabkan fenomena kesan globalisasi yang berlaku di seluruh dunia dan ia suatu hakikat yang harus kita terima. Apakah itu globalisasi? Bagaimanakah globalisasi boleh menjadi faktor yang signifikan dalam menenggelamkan nilai-nilai murni yang menjadi warisan budaya hidup dalam diri seseorang individu dalam sesuatu masyarakat? Sejauh mana ia telah mengubah peradaban dan corak hidup masyarakat di sesebuah negara? Mari kita kupas serba sedikit mengenai definisi, sejarah dan kesan globalisasi ini untuk memahami dengan lebih mendalam kasus yang sedang dibincangkan.

GLOBALISASI DAN IMPLIKASI NILAI MASYARAKAT

Globalisasi itu sendiri mempunyai pengertian yang sangat luas sehingga hakikat globalisasi itu sendiri dikatakan telah wujud sebelum istilahnya mula dikenali. Abdul Rahman Embong (2000) mengatakan bahawa globalisasi berlaku dalam empat zaman, iaitu zaman Rome-Yunani, zaman Islam, era modenisasi Barat dan zaman kontemporari. Perubahan pesat serta perkembangannya jelas terlihat selepas perang dunia kedua, iaitu jarak dan masa telah didekatkan oleh perkembangan media, komunikasi yang membolehkan penghayatan masa sebenar (*real time*) di antara penduduk di pelbagai negara di seluruh dunia. Hal ini dibahaskan oleh Norain Othman (2000) sebagai pemampatan (*compression*) dan pengecilan (*shrinking*) sehingga melahirkan konsep desa sejagat (*global village*) yang bukan sahaja mencerminkan arus media dan komunikasi pada waktu itu yang cuba mengaitkan masyarakat dunia sebagai satu unit bahkan turut mempengaruhi idea pemampatan dan pengecilan dunia sehingga wujudnya *global community*. Maka, penyebaran maklumat, politik, ekonomi, budaya, dan sosial berlaku tanpa mengira sempadan.

Jika diperhatikan, kita akan lihat bahawa sebahagian besar manfaat globalisasi adalah berkaitan dengan dimensi ekonomi manakala bakinya berkaitan dengan dimensi politik dan sosial. Namun, ketiga-tiga aspek ini saling berkait di antara satu sama lain dalam menyumbang ke arah penyusutan nilai murni individu sebagai anggota masyarakat. Kepesatan ekonomi hasil perkembangan teknologi yang semakin canggih dalam arus globalisasi menjadikan masyarakat semakin terkekang dari segi masa dan ruang untuk berkomunikasi. Jika sebelum ini mereka banyak memanfaatkan masa dengan melakukan aktiviti komunikasi secara tatap muka (*face to face*) tidak kiralah situasi sama ada dengan ahli keluarga di rumah, mesyuarat perniagaan/politik, perjumpaan dengan rakan-rakan sekolah mahupun aktiviti *hang out* dengan rakan sekerja selepas waktu pejabat dan sebagainya. Namun, hari ini corak komunikasi ini telah berubah seiring kecanggihan teknologi yang dimungkinkan oleh kepesatan ekonomi itu tadi. Pertemuan-pertemuan lebih kerap berlaku secara atas talian; dalam semua aktiviti demi mengejar arus globalisasi yang sangat rencam dan serba pantas.

Ini bukan hanya melibatkan sektor ekonomi dan politik bahkan juga institusi pendidikan dan sektor swasta.

Kemunculan media-media sosial dengan pelbagai aplikasi yang menyediakan ruang kepada setiap individu berinteraksi secara aktif di alam maya dan merancakkan aktiviti komunikasi yang berlaku. Aplikasi seperti *Whatsapp*, *Wechat*, *Twitter*, *Instagram* dan sebagainya yang bersifat mudah akses, interaktif serta dinamik semakin digemari bukan sahaja oleh generasi muda bahkan juga golongan dewasa yang merasakan mereka tidak wajar ketinggalan menikmati kecanggihan dunia globalisasi ini. Sesuai dengan sifat aplikasi yang lebih fleksibel dan pantas, terutama dengan penyediaan pengenalan diri sebagai *anonymous* (tidak dikenali) menjadikan ia seperti suatu magnet yang berupaya menarik pengguna daripada pelbagai golongan untuk melakukan interaksi tanpa perlu mengambil tanggungjawab atas apa yang dikongsi atau dikirim ke media sosial. Ini sudah pasti berbeza dengan tekanan tanggungjawab yang dihadapi ketika berinteraksi secara tatap muka yang hakikatnya membataskan manusia kepada keperluan menjaga adab dan budi pekerti atas kesedaran mereka sedang diadili dan diperhati. Situasi inilah; walau bukan dalam setiap kasus, merupakan pemangkin utama kepada keruntuhan nilai diri seseorang individu terutama dalam aspek budi pekerti, perilaku dan akal budi.

Maka, penulisan ini akan melihat sisi kesan negatif daripada globalisasi yang berlaku tanpa menafikan kesan-kesan positif yang telah dimanfaatkan oleh negara dalam sektor-sektor yang disebutkan di atas tadi. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, kesan negatif globalisasi yang boleh kita lihat adalah dari sudut kecelaruan peradaban dan budaya hidup masyarakat yang timbul ekoran kepesatan ekonomi dan teknologi yang tidak dapat dikawal. Tekanan dalam corak komunikasi baru generasi hari ini menjadikan penggunaan bahasa dalam kalangan mereka semakin merosot dari aspek kehalusan, nilai budi dan pekertinya. Ini dibuktikan dengan pelbagai kasus yang tular di media sosial yang memperlihatkan golongan muda bertindak menggunakan kata-kata kesat tanpa berasa malu serta biadab terhadap orang yang lebih tua sama ada ibu bapa, guru, pensyarah, jiran tetangga mahupun penjawat awam yang sedang melaksanakan tugas. Mereka seolah-olah kalis

rasa malu walaupun kasus berlaku di ruang umum. Ini sudah pasti sangat membimbangkan dan boleh menimbulkan rasa cemas dalam kalangan masyarakat.

Memandangkan arus globalisasi yang berlaku adalah sesuatu yang tidak boleh dikekang, maka situasi yang membimbangkan masyarakat ini perlu lebih diperhalusi dengan mencari jalan penyelesaian melalui pelbagai pengkajian yang bersifat lebih empirikal dan saintifik (jika adapun kajian sebelum ini, ia didapati tidak benar-benar mencakupi suatu usaha yang menyeluruh, tepat dan rasional) bagi membendung peningkatan kasus. Pelbagai sektor awam mahupun swasta, daripada jabatan kerajaan sehinggalah ke sektor pendidikan harus bekerjasama untuk memastikan peradaban dan warisan budaya generasi hari ini tidak ditelan oleh arus globalisasi tanpa penamat. Selain pengkajian bersifat ilmiah, program-program pengisian bersifat peneguhan nilai diri, memotivasi dan membugar kembali nilai hemah serta budi pekerti dalam diri masyarakat perlu terus giat dilaksanakan oleh semua pihak atas kesedaran dan rasa tanggung jawab dalam melahirkan masyarakat yang harmoni di negara ini.

Justeru itu, penghasilan buku ini merupakan salah satu langkah dan usaha yang dilakukan oleh pihak institusi pengajian tinggi (UIAM) dengan kerjasama pihak Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) dan Rumah Ngaji untuk membugar kembali kesantunan dalam diri masyarakat, terutama mahasiswa di IPTA. Satu program telah dirangka, iaitu program Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*) yang telah diadakan di Kuliah Bahasa dan Pengurusan, UIAM Pagoh pada 23 November 2019. Buku ini akan mengetengahkan pengalaman penganjuran program Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*) sebagai salah satu usaha dalam membantu memugar kembali kesantunan, iaitu salah satu daripada nilai murni yang ada dalam diri setiap individu berlandaskan al-Quran, Hadis dan Sunnah.

Program ini merupakan projek kursus BMCO 3102 Kesantunan Berbahasa, BMCO 2107 Pragmatik dan Wacana, ENCO 3101 *Semantics* dan ARCO 2101 *Intercultural Communication* yang dilaksanakan oleh penuntut tahun dua dan tahun tiga di Kuliah Bahasa dan Pengurusan dalam jurusan Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa (MLCOM), Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa (ENCOM) dan Bahasa Arab untuk Komunikasi Antarabangsa (ARCOM) di peringkat ijazah sarjana muda. Program ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu i) program RICH, dan ii) seminar Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*). Kedua-dua program ini disertai oleh pelajar-pelajar sekolah dan IPT dari sekitar kawasan di daerah Muar. Program Seminar pula telah membariskan panel utama, iaitu Mufti Besar Negeri Johor Dato' Dr. Noh Gadot, Tn. Hj. Fazrul Ismail (CCO Yayasan Ummah ikhlas) selaku moderator, Raqib Majid (artis), Afiq Ismail (*influencer* media sosial), dan saudara Akhmal Hakim sebagai wakil pelajar Kuliah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

DEFINISI KESANTUNAN BAHASA

Sebelum kita membicarakan lebih lanjut mengenai program ini, mari kita lihat apakah definisi kesantunan yang menjadi salah satu asas dalam nilai diri seseorang individu. Bagi tujuan penulisan buku ini, definisi yang akan diketengahkan akan hanya mengambil kira pandangan serta pendapat beberapa tokoh kesantunan Islam dan tempatan bagi menepati objektif yang digariskan dalam program. Kesantunan daripada perspektif masyarakat Melayu ada dibahaskan lebih awal oleh Za'ba (1950) dalam artikelnya bertajuk *Malay Manners and Etiquete* yang diterbitkan dalam *Journal Malayan Branch*. Za'ba menurunkan beberapa amalan berkaitan dengan adab dan tatasusila dalam masyarakat Melayu dalam buku tersebut. Antara aspek yang perlu diambil kira ketika berinteraksi adalah menyapa dengan tertib dan betul, mengawal nada suara ketika bercakap, tidak sombong atau memuji-muji diri, menanti giliran bercakap serta memberikan peluang kepada orang lain untuk bercakap. Ciri-ciri ini dapat mewujudkan individu yang bertatasusila dan berperibadi mulia di mata masyarakat. Jika tidak memilikinya, seseorang itu boleh diumpamakan seperti “bukan Melayu sebenar” atau “tidak tahu bahasa”.

Selain Za'ba, seorang lagi tokoh kesantunan Melayu yang terkenal, iaitu Asmah (2000) ada mengatakan bahawa kesantunan sebagai penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pendengar. Pandangan ini turut diperjelas oleh Indirawati (2005) bahawa kesantunan amat penting dan masyarakat di dunia menganggap kesantunan yang diamalkan mencerminkan budaya sesuatu masyarakat. Definisi ini diperkukuh oleh Awang (2015) kemudiannya dengan mengusulkan kesantunan sebagai penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara.

Noriati (2005) menjelaskan bahawa nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu mempunyai hubungan tiga penjurur, iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. Nilai kesantunan yang ditonjolkan oleh masyarakat Melayu seperti penjagaan muka daripada mendapat aib atau memalukan.

Tenas (2011, p.5) turut tidak ketinggalan dalam memberi pandangan tentang kesantunan Melayu yang dirujuk oleh beliau sebagai perilaku seseorang yang “tahu diri” atau “sedar diri”, mencerminkan kearifan dalam menilai kemampuan diri agar dapat menempatkan dirinya secara baik dalam kehidupan berumah tangga, masyarakat, berbangsa dan bernegara. Pandangan yang sama diperkatakan oleh Indirawati (2005) bahawa kesantunan yang diamalkan mencerminkan budaya sesuatu masyarakat. Salinah Jaafar (2012) pula mengatakan konsep kesantunan merupakan adab atau tertib mahupun kebiasaan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat dalam memelihara hubungan sesama manusia dan menjaga tatasusila dalam berkomunikasi dan berinteraksi. Maksud kesantunan yang lebih jelas ada dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), iaitu sikap lemah lembut, baik budi pekerti, beradab dan hormat seseorang.

Arina dan Indirawati (2016) memberi pandangan bahawa kesantunan seseorang dicerminkan melalui kerjasama yang tinggi dalam sesuatu perbualan sebagai usaha untuk meningkatkan kefahaman pendengar tentang apa yang diperkatakan melalui penggunaan bahasa yang berlapik, lembut serta halus. Ciri bahasa sebegini menjadi refleksi pekerti mulia penutur sepanjang komunikasi berlangsung. Selanjutnya, dalam kasus komunikasi yang melibatkan struktur tertentu seperti bual bicara, peserta komunikasi mempraktikkan strategi-strategi tertentu untuk mewujudkan keharmonian dan situasi bebas konflik (Arina dan Indirawati, 2019).

Amat Juhari Moin (1989) menjelaskan pula bahawa kesantunan bahasa itu merupakan “penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pendengar.” Pendapat ini turut disokong oleh Asmah (2000) dan Zaitul Azma (2009) bahawa kesantunan bahasa sangat berkait rapat dengan sifat berbudi pekerti yang diaplikasi dalam komunikasi yang dapat mengelakkan rasa kegusaran, kemarahan dan tersinggung kepada lawan tutur. Tambahan lagi, penggunaan bahasa yang sopan juga dapat dikaitkan melalui timbang rasa yang perlu diamalkan oleh penutur semasa berkomunikasi dalam menyampaikan sesuatu mesej bagi memastikan kata-kata yang digunakan mencerminkan penghormatan untuk pendengar.

Buya Hamka juga tidak ketinggalan dalam mendefinisikan erti kesantunan sebenar dalam kata-katanya iaitu “kecantikan yang abadi terlerak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya (dipetik dalam Nur Izzliyana Adzwa & Nordiana Ab. Jafar, 2020).” Hal yang sama dijelaskan oleh Hashim Ahmad (2016) dalam makalah yang bertajuk “Bahasa Menggambarkan Peribadi” seperti mana yang dipetik dalam Sara Beden (2019) bahawa melalui perantaraan bahasa, peribadi seseorang dapat mencerminkan akhlak serta peribadi penutur. Penggunaan bahasa dalam komunikasi perlu digunakan dengan tepat mengikut konteks agar tidak mengguris hati lawan tutur yang secara tidak langsung mewakili komunitinya semasa berkomunikasi.

Zainal Abidin Ahmad (1950) menekankan tentang kepentingan dalam tatacara berbahasa yang boleh dilakukan dengan mengawal kelantangan suara semasa berkomunikasi serta mengaplikasikan rasa rendah diri sepanjang komunikasi berlangsung (dipetik dalam Sara Beden, 2019). Tambahan lagi, Abdullah Hassan (2006) juga memberi penekanan terhadap perkataan bertulis sebagai elemen utama dalam komunikasi yang dilakukan secara bukan lisan dan perkataan yang sesuai perlu digunakan dengan baik untuk menyampaikan mesej dengan efektif. Kesopanan dalam komunikasi bukan sahaja perlu dipelihara dan diaplikasikan menerusi lisan, malahan perlu diberi penekanan dalam penulisan yang dapat dibentuk melalui penggunaan bahasa yang disampaikan. Penggunaan bahasa yang sopan juga secara tidak langsung

menunjukkan sisi peribadi serta tahap keintelektuan pengarang yang ditunjukkan melalui medium bukan lisan (Sara Beden & Indirawati Zahid, 2014, dipetik dalam Sara Beden, 2019).

Mohd Luqman Hidayat Ismail dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2016) turut membahas isu kesantunan ini yang menyentuh tentang adab berkomunikasi dalam sebuah masyarakat majmuk. Malaysia terkenal dengan masyarakatnya yang berbilang kaum seperti Melayu, Cina dan India. Komunikasi yang sihat perlu dibentuk untuk mengekalkan keharmonian yang telah lama dipupuk sejak dari zaman dahulu lagi. Walaupun ada cabaran-cabaran yang perlu ditempuh seperti perbezaan kaum, bahasa dan budaya yang pastinya akan mengganggu komunikasi secara tidak langsung, namun perpaduan itu perlu dibentuk melalui pengantara komunikasi yang sihat dan santun sesama ahli masyarakat. Perbezaan-perbezaan tersebut bukanlah batu penghalang sekiranya komunikasi yang dibentuk adalah sihat dan harmoni, sekali gus dapat mengelakkan kejadian-kejadian buruk yang pernah berlaku dalam masyarakat seperti perbalahan kaum yang pernah terjadi di Malaysia di tahun 1969. Pernyataan yang sama disokong oleh Asmah (2002) bahawa peserta dalam sebuah komunikasi merupakan individu yang terlibat dalam satu peristiwa yang perlu dikenal pasti dari sudut latar belakang budaya, sosial dan keturunannya agar mesej yang ingin disampaikan lebih mudah untuk ditafsirkan dan difahami.

Masyarakat Melayu mempertimbangkan elemen kesantunan dalam setiap sudut kehidupan mereka dengan melihat nilai tersebut dari perspektif Islam seperti mana yang terkandung di dalam al-Quran dan Sunnah yang diselarikan dengan hasil didikan oleh nenek moyang mereka terdahulu. Oleh itu, selain melihat definisi kesantunan dalam lingkaran budaya, kita juga perlu menanggapinya berdasarkan pandangan oleh tokoh Islami. Al-Khatib (2012) seperti mana yang dipetik dalam Wan Siti Fatimah, Akmal W. Hassan dan Suhaila Zailani @ Ahmad (2019) misalnya pernah memungghah pendapat bahawa kesantunan yang terdapat dalam al-Quran berkait rapat dengan hubungan antara Pencipta dengan hamba, manusia sesama manusia dan antara individu dengan masyarakat. Aspek kesantunan yang dapat dilihat ketika seorang hamba itu meminta pertolongan atau berdoa kepada Tuhannya, jarak

seorang dengan Pencipta-Nya seakan-akan sangat dekat dan mempunyai hubungan yang rapat. Secara halus, ia membawa pengertian bahwa komunikasi di antara manusia dengan Tuhan menuntut kelembutan, tawaduk dan kesabaran yang tinggi, maka begitulah juga mereka harus menjelmakannya dalam komunikasi sehari-hari di antara manusia.

Seterusnya, menceritakan kepentingan memberi salam ketika memulakan komunikasi dengan seseorang sebagai petanda kesantunan dalam masyarakat Melayu, Al-Bukhari meriwayatkan dari Abu Hurairah r.a, beliau mengatakan bahwa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud (al-Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-‘Imanm Bab Lā Yadhkūl al-Jannah illa al-Mukmin ū n, Hadis, 22):

... Kalian tidak akan masuk syurga sehingga kalian beriman. Kalian tidak akan beriman sebelum kalian saling cinta mencintai. Mahukah kalian aku tunjukkan kepada sesuatu yang apabila kalian kerjakan nescaya kalian akan saling mencintai? Sebarkanlah salam antara kalian ...

Sebarkan salam, menggunakan bahasa yang terjaga ketika melafaz, berlemah lembut menjadi asas pada komunikasi yang harmoni. Al-Quran juga ada menyebut komunikasi sebagai salah satu fitrah manusia yang penting. Untuk mengetahui bagaimana manusia seharusnya berkomunikasi; Al-Quran memberikan kata kunci (*key concept*) yang berhubungannya. Al-Syaukani (dalam Rahmat, 1999:71) mendefinisikan kata kunci ‘al-bayan’ sebagai kemampuan berkomunikasi. Selain itu, kata kunci yang dipergunakan al-Quran untuk komunikasi ialah al-Qaul. Dari al-Qaun ini, Jalaluddin Rakhmat menguraikan prinsip, qaulan sadidan, iaitu kemampuan berkata benar atau berkomunikasi dengan baik (Rahmat, 1999:71). Ini menjelaskan bahawa betapa di dalam Islam, memelihara hubungan baik dalam komunikasi dengan menjaga lisan, saling menghormati dan ikhlas.

Selanjutnya, al-Quran turut menekankan konsep kesantunan berbahasa yang disampaikan dalam beberapa surah dan memberi perhatian terhadap empat perkara, iaitu *qaulan sadida*, *qaulan ma'rufa*, *baligha* dan *qaulan maysura* (Rusdi Room, 2013:225).

1. ***Qaulan Sadida*** (Surah an-Nisa: 9) - Komunikasi yang perlu dijaga melalui perantaraan bahan atau pemilihan kata-kata yang digunakan dengan betul.
2. ***Qaulan Ma'rufa*** (Suran an-Nisa: 8) - Komunikasi yang perlu dijaga melalui perantaraan penggunaan bahasa yang sedap didengar, tidak mengguris hati atau menyinggung perasaan lawan tutur, sesuai dengan keadaan semasa, berlaku jujur serta tidak berbohong dengan kepura-puraan.
3. ***Baligha*** (Surah an-Nisa: 63) - Komunikasi yang perlu dijaga menggunakan ungkapan yang sesuai dengan tujuan komunikasi dan kata-kata yang digunakan dalam lisan mahupun penulisan adalah jelas, terang, tepat dan efektif.
4. ***Qaulan Maysura*** (Surah al-Isra': 28) – Komunikasi yang perlu dijaga apabila komunikasi tersebut perlu disempurnakan dengan baik dan pantas, tidak berbelit-belit dan mudah difahami agar orang tidak kecewa.

Kesimpulan dari keempat-empat elemen yang disebut dalam al-Quran yang menyentuh isu kesantunan di atas jelas membuktikan bahawa dalam Islam turut memberi perhatian tentang isu kesantunan yang memainkan peranan penting dalam memastikan komunikasi yang dibentuk sentiasa sihat dan tidak bercanggah daripada tujuan sebenarnya. Tujuan komunikasi juga akhirnya akan berbalik kepada hubungan manusia dengan Pencipta-Nya kerana setiap kata-kata yang dilontarkan mempunyai implikasi sama ada untuk memperoleh pahala atau dosa. Dalam surah at-Taha, ayat 44 juga ada menyebut tentang kepentingan menjaga lidah dan menggunakan kata-kata yang baik dan sopan untuk mengelakkan perbalahan.

“Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Fir'aun) dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia sadar dan takut”

Kesimpulannya, berbicara dengan lemah lembut dan sopan merupakan tunjang utama mengenai kesantunan berbahasa yang banyak disebut dan ditekankan dalam al-Quran.

Kesemua pandangan yang telah dinyatakan (sekadar menyebut beberapa pengkaji) menginterpretasikan kesantunan masyarakat Melayu sebagai gabungan tutur kata dan perilaku seseorang yang diungkapkan secara penuh hemah, iaitu bernada lembut, disampaikan secara berhati-hati, sangat halus serta berlapik selari dengan budaya dan pegangan agama Islam untuk memastikan air muka orang yang mendengar sentiasa terjaga sepanjang perbualan berlangsung. Dalam hal ini, masyarakat Melayu amat menitikberatkan kesantunan dalam apa jua keadaan supaya kelestarian identiti dan budaya bangsa dapat dipelihara. Namun, pemakaian bahasa yang santun oleh seseorang individu tentu sahaja tidak lahir secara semula jadi melainkan melalui pemupukan berterusan oleh sistem nilai dan sosial dalam masyarakatnya.

AMALAN KESANTUNAN

Jika ditinjau dari aspek definisi kesantunan yang telah dikemukakan di atas, jelas menunjukkan bahawa amalan kesantunan berkait rapat dengan aspek penggunaan bahasa, pemilihan kata/leksikal, intonasi dan nada ujaran ketika berkomunikasi yang mempunyai nilai kehalusan, ketelitian dan rasa hemah. Bukan setakat peringkat penggunaan bahasa, perilaku atau perlakuan seseorang juga menggambarkan amalan sopan santun sama ada ia masih tercakup dalam norma dan budaya hidup masyarakat yang diwakilinya atau tidak. Dalam hal ini, boleh dikatakan bahawa bahasa dan budaya itu mempunyai pertalian yang cukup signifikan bahkan amalan kesantunan itu sendiri merupakan salah satu identiti budaya bagi sesuatu masyarakat. Hal ini diakui oleh Asmah (2003) seperti yang dipetik dalam Wan Siti Fatimatul Akmal dan Suhaila (2019) bahawa elemen bahasa dan budaya harus dilihat secara bersama tanpa pengasingan kerana gabungan kedua-duanya mampu membentuk indeks peradaban sesuatu bangsa.

Dalam agama Islam sendiri amalan kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi dalam kehidupan seharian amat dititikberatkan. Islam telah mencorak beberapa panduan untuk menjaga kesantunan dalam berbahasa seperti strategi salam, strategi berkomunikasi, strategi doa dan strategi syukur. Aspek-aspek ini yang boleh dipraktik serta diamalkan dalam kehidupan seharian muslim dalam berkomunikasi bagi mengekalkan nilai kesantunan berbahasa. Individu Muslim yang berpegang dengan cara hidup yang diajarkan Islam akan memberi impak yang besar dalam melahirkan masyarakat yang sejahtera serta bebas daripada konflik terutama konflik dalam pertuturan harian (Wan Siti Fatimatul Akmal & Suhaila, 2019).

Namun begitu, hakikat bahawa Islam (atau semua agama yang lain) mengajarkan sesuatu yang baik dan wajar dipatuhi oleh setiap individu yang beragama bagi mencapai kehidupan yang seimbang dan harmoni seolah-olah semakin terhakis dalam diri masyarakat. Cabaran dan tekanan dalam kehidupan yang mempunyai daya saing cukup tinggi pada zaman ini menjadikan setiap individu semakin mementingkan

diri sehingga menyetepikan soal memelihara akhlak mulia seperti mana yang diperintahkan oleh agama. Lebih-lebih lagi bagi individu yang beragama Islam.

Pelbagai isu mengenai ketidaksantunan melibatkan masyarakat pada hari ini. Hakikat bahawa nilai didikan yang murni dan santun telah ada dalam diri mereka sejak kecil semakin dilupakan akibat desakan dan cabaran hidup serta ledakan globalisasi yang berlaku. Kita harus menoleh dan melihat kemajuan yang dicapai oleh negara Jepun dan Korea dalam pelbagai industri dan budaya popular kesan globalisasi namun masih berupaya mengekalkan nilai-nilai murni warisan budaya mereka dalam diri masyarakatnya. Sifat saling menghormati sama ada terhadap ibu bapa, guru mahupun pelanggan masih ada malah ketaatan dan kepatuhan terhadap peraturan lalu lintas misalnya menjadi sesuatu yang sangat membanggakan. Lihat pula apa yang berlaku di negara ini. Adakah golongan remaja kekal menghormati ibu bapa dan guru? Adakah peraturan lalu lintas masih dipatuhi? Adakah ahli politik saling berbincang secara harmoni untuk mengekalkan keamanan dalam diri masyarakat bahawa mereka masih boleh saling mempercayai dan bertoleransi? Adakah bahasa yang cukup sopan digunakan ketika menulis di ruangan komen yang boleh dilihat dan dibaca oleh orang awam? Apa yang sering dilihat pada hari ini adalah fitnah dan tuduhan tanpa asas yang kian berleluasa di media sosial tanpa memikirkan risiko dan kesan jangka panjang dalam hubungan dan komunikasi manusia.

Walaupun perilaku negatif yang dinyatakan tidak merujuk majoriti masyarakat hari ini, namun hakikat yang harus ditelan adalah wujudnya segelintir individu (jumlahnya semakin bertambah dari sehari ke sehari) yang sudah hilang nilai dan tenat susilanya masih berlegar menjadi pengganggu dalam sistem nilai yang ada. Tidak cukup dengan isu kesantunan yang semakin sirna, nilai kebencian muncul seolah-olah menjadi agenda paling penting dalam kancah politik di negara ini. Sehingga tanpa sedar, ia disemai setiap hari dalam pemikiran individu sehingga menimbulkan kegusaran dan kebimbangan masyarakat untuk hidup secara harmoni, bebas prasangka dan bebas konflik.

ISU KESANTUNAN DI MALAYSIA

Isu kesantunan di Malaysia bukanlah perkara yang asing lagi. Begitu banyak kes-kes yang terjadi di negara kita yang memperlihatkan kurangnya nilai kesantunan dalam diri masyarakat sehingga timbulnya kes-kes seperti anak-anak yang memukul ibu bapa, suami berlaku zalim pada isteri, anak murid tidak berlaku hormat kepada guru dan pengguna media sosial yang tidak beradab sewaktu berkomunikasi sesama pengguna lain di media sosial. Kes-kes yang menjadi bualan masyarakat di Malaysia ini telah menunjukkan dengan jelas bahawa masih banyak yang perlu dilakukan oleh kita selaku orang Melayu untuk memartabatkan semula nilai kesantunan yang menjadi tunjang peradaban kita sejak dahulu lagi. Justeru, Berikut merupakan antara kes-kes yang melibatkan isu kesantunan yang pernah menjadi topik hangat di Malaysia.

Isu 1: Pelajar tingkatan Empat Dakwa Dibelasah Guru Disiplin

Di sebuah sekolah menengah yang bertempat di Alor Setar, Kedah, seorang murid tingkatan empat mendakwa bahawa guru disiplin di sekolahnya telah memukulnya atas kesalahan tidak berpakaian kemas ketika hadir di sekolah. Menurut pelajar itu, guru tersebut telah menumbuknya di belakang kepala, muka dan kakinya ditendang hanya disebabkan bajunya tidak dimasukkan ke dalam seluar ketika baru sahaja sampai di hadapan pintu pagar sekolah pada pukul 7.40 pagi. Tidak cukup dengan itu, pelajar tersebut turut dicekik serta menerima kata-kata ugutan daripada guru tersebut. Menurut pelajar itu lagi, dia tidak berani melawan atau melaporkan kejadian itu pada mulanya kerana kkuatir akan dibuang sekolah, sehinggalah dia mula berasa sakit pada bahagian bahunya yang pernah patah sebelum ini. Disebabkan tindakan kurang wajar yang dilakukan oleh guru tersebut, bapa kepada pelajar tersebut telah melaporkan kejadian tersebut kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar kerana merasakan tindakan tersebut agak keterlaluan.

“Saya tidak kisah sekiranya merotan untuk mendidik, Tapi dua seperti samseng dengan mencekik, memukul dan menendang anak saya, dan saya tidak boleh terima. Biarlah polis ambil tindakan dan siasatan.”

(MStar, 8 Februari 2017)

Isu 2: Marah Teman lelaki Dihalau, Anak Perempuan Pukul Ibu Dengan Batang Penyapu

Disebabkan tindakan seorang ibu yang menghalau teman lelaki anaknya keluar dari sebuah pangsapuri di Butterworth, seorang wanita berusia 24 tahun tergamak memukul ibunya dengan batang penyapu. Kejadian ini berlaku semasa ibunya yang berusia 59 tahun berkunjung ke rumahnya di sebuah pangsapuri, lalu mendapati bahawa seorang lelaki berada di dalam rumah anak perempuannya. Ibunya terkejut dan tanpa berfikir panjang terus menghalau lelaki berkenaan keluar dari rumah tersebut. Disebabkan tindakan ibunya itu, wanita tersebut dengan rasa marah terus mengambil sebuah batang penyapu dan memukul lengan kanan ibunya. Tindakan agresifnya tidak terhenti di situ, kepala ibunya turut diketuk menggunakan telefon bimbit yang dipegangnya ketika itu serta mengugut ingin membunuh ibunya jika perkara ini dilaporkan kepada pihak polis. Hasil siasatan pihak polis mendapati bahawa wanita tersebut di bawah pengaruh dadah dan merupakan seorang penagih dadah tegar dan sehingga kini masih menghilangkan diri.

(Utusan Malaysia, 24 April 2021)

Isu 3: 'Anak Setan Pakai Tudung': Warganet Kecam Komen Biadab Terhadap Pelajar Dedah Gurauan Rogol

Tindakan seorang pengguna media sosial *Facebook* yang mendakwa dirinya seorang guru menerima kecaman hebat warganet kerana memberi komen tidak wajar dalam *posting* seorang murid sekolah menengah yang mendedahkan tindakan salah seorang guru di sekolahnya yang membuat gurauan rogol. Perkara ini didedahkan oleh bapa pelajar perempuan terbabit dengan berkongsi tangkap layar komen guru berkenaan yang menggunakan kata-kata kesat di ruangan komen media sosial anaknya.

“Hipokritnya.. anak setan pakai tudung.”,

“Ajarlah anak kurang ajar.”

Komen di atas merupakan kata-kata kurang sopan yang dikongsikan oleh guru berkenaan di ruangan komen *Facebook* yang dilihat tidak wajar dilakukan oleh seorang guru yang berpendidikan tinggi. Bapa pelajar tersebut turut menyelar tindakan guru tersebut dan mempersoalkan kredibilitinya sebagai seorang guru yang sepatutnya menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak muridnya. Rata-rata warganet turut mengecam tindakan guru tersebut dan menegaskan untuk perkara ini dibawa ke pihak polis. Hal ini demikian kerana, tindakan seorang guru yang tidak beradab seperti ini mungkin akan menjejaskan anak-anak murid yang lain di masa akan datang dan pihak polis seharusnya melakukan tindakan yang sewajarnya.

(Free Malaysia Today, 9 Mei 2021)

Isu 4: Sikap Budak Bawah Umur Ini Merisaukan Kerana Sialkan Ibu Bapa di Media Sosial

Tular sebuah video yang dikongsikan melalui Twitter apabila seorang budak bawah umur mengeluarkan kata-kata kesat yang ditujukan kepada ibu bapanya di media sosial. Menurut budak itu, ibu bapanya tidak memberikan privasi untuknya apabila tombol pintu biliknya dicabut dan telefon bimbitnya dirampas. Malahan, dia juga mengugut untuk membunuh diri jika perkara tersebut berterusan. Tindakan budak itu yang berkongsi video berkenaan turut mendapat reaksi daripada pengikutnya yang sebaya di media sosial dengan menyokong pernyataan yang diberikan oleh budak tersebut. Perkara ini mengundang kegusaran warganet apabila rata-rata pengguna yang menyokong tindakan budak tersebut melontarkan kata-kata kesat terhadap ibu bapa mereka sendiri adalah budak-budak bawah umur.

“strict parent apa sial sampai tombol pintu bilik pun dia cabut?? Babi dahlah takde privacy, phone kena rampas. Jangan sampai aku bunuh diri.”

“aku tidur pun ngan mak sendiri la sial lagi penat.”

“kalau nak strict boleh, tapi ni- lebih sia.”

Komen biadap yang diberikan kanak-kanak ini perlu diberi perhatian kerana tindakan mereka mungkin boleh menjadi lebih teruk jika tidak ditegur. Kanak-kanak generasi sekarang dilihat sudah hilang adab, bukan sahaja terhadap ibu bapa, malah orang di sekeliling mereka.

(Malaysia Sinar Harian, 9 Jun 2021)

Isu 5: Graduan Biadab, UM Buat Laporan Polis

Kejadian yang berlaku sewaktu sidang kelima Istiadat Konvokesyen UM Kali ke-59 ini mendapat perhatian netizen. Seorang graduan yang juga penerima skrol ijazah sarjana muda pada hari tersebut menunjukkan tanda protes sewaktu berada di atas pentas. Tindakannya secara tidak langsung telah mencemarkan nama institusi tersebut apabila majlis itu dihadiri oleh individu-individu ternama. Kelakuan graduan tersebut disifatkan sebagai biadab kerana dengan jelas tidak menghormati istiadat dan mengganggu protokol dan kelancaran majlis.

“Adalah menjadi tanggungjawab universiti juga bagi memastikan mahasiswa yang kami asuh dan didik bukan sahaja akan menjadi individu yang berpengetahuan. Tetapi, lebih penting lagi, dapat memanfaatkan ilmu yang dimiliki untuk menjadi ihsan yang terdidik dan berakhlak serta menghormati prinsip ‘kesopanan dan kesusilaan’ dan arif akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat dan warga sebuah negara berpelembagaan.”

(Astro Awani, 15 Oktober 2019)

Isu 6: Ganggu Guru Dengan Video Lucah Ketika PdPR Perbuatan Biadab

Seorang murid dengan biadabnya telah menayangkan sebuah video lucah ketika pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumahnya (PdPR). Tindakan murid tersebut dilabelkan sebagai tidak hormat dan tidak wajar sebagai seorang murid yang menuntut ilmu dengan gurunya. Kes-kes seperti ini bukan sesuatu yang sejak PdPR dilakukan secara atas talian disebabkan pandemik yang melanda, tetapi sudah berulang kali terjadi di sekolah-sekolah yang berbeza. Tindakan kurang berakhlak yang dilakukan segelintir murid ini bukan sahaja tidak menghormati guru, malahan mengganggu rakan-rakan yang ingin menikmati pendidikan yang dicurahkan oleh guru

mereka. Kes yang terjadi seperti ini juga telah memaksa guru untuk menghentikan sesi PdPR tersebut dengan serta merta.

“Murid mengganggu proses PdPr yang menggunakan platform *Google Meet* dengan menyiarkan video lucah.”

“Jenayah ini tidak boleh dianggap sepi dan semua pihak ada tanggungjawab mengambil Langkah-langkah patut dan segera”

“Sesungguhnya kebiadaban dan gangguan melampau ini perlu diperangi Bersama agar generasi pelajar kita dapat akses Pendidikan berkualiti, khasnya semasa PdPR ini.”

(Malaysia Kini, 3 Februari 2021)

Isu 7: Apabila Murid Berani Menghina Cikgu

“*AH qua lao shi.*” Berikut merupakan kata-kata yang dilemparkan oleh seorang murid perempuan kepada gurunya yang jika diterjemahkan kepada bahasa Melayu, kata-kata tersebut membawa maksud “Cikgu Pondan”. Kejadian yang berlaku di sebuah sekolah menengah di Skudai, Johor ini akhirnya mendapat perhatian akhbar tempatan. Murid tersebut kemudiannya dirotan pada bahagian lengan dan betis disebabkan perbuatannya yang tidak hormat kepada guru tersebut. Kes-kes seperti ini jelas membuktikan bahawa generasi muda kini sudah semakin hilang budi dan pekerti. Sebelum ini, pernah tular berita di mana murid mencalarkan kereta guru, murid melawan guru, murid menghina guru, murid menumbuk guru dan murid membakar bilik guru. Disebabkan kurangnya didikan yang baik kepada anak-anak oleh ibu bapa, terjadilah kejadian-kejadian seperti ini yang apabila dilaporkan kepada pihak yang berkenaan, guru yang akan dipersalahkan kerana merotan anak muridnya. Sedangkan, tidak pula diberi perhatian apabila murid tersebut yang berperlakuan tidak hormat terhadap gurunya sewaktu di dalam kelas.

“Dia tidak habis-habis menyalahkan guru, tanpa sedikit pun memberi ruang dan peluang untuk guru berkenaan memberi penjelasan.”


“Seperti dalam video yang tular di media sosial itu, ibu murid berkenaan beriya-iya menyalahkan guru, tetapi tidak pula dia mengakui sikap biadab dan kurang ajar anaknya.”

(Sinar Harian, 1 Ogos 2021)

KEMBALIKAN KESANTUNAN (*REBOOT POLITENESS*)

Nilai kesantunan harus dipupuk dan dibugarkan kembali dalam diri setiap individu agar dapat melahirkan masyarakat yang hidup atas rasa penghormatan yang tinggi, bertoleransi, saling mempercayai serta dapat mengelakkan kebencian yang boleh mencipta konflik hubungan yang lebih besar. Perspektif al-Quran yang memaparkan kesantunan sebagai nilai universal harus diketengahkan dalam kehidupan pelbagai kaum di negara ini tanpa mengira agama dan bangsa untuk melahirkan masyarakat yang hidup saling bertoleransi, menghormati dan menyayangi di antara satu sama lain.

Justeru, program yang dijalankan ini didapati mempunyai potensi untuk memperkuat usaha memotivasikan masyarakat supaya membersihkan hati daripada unsur-unsur negatif, sebaliknya berusaha untuk mengeluarkan nilai-nilai sebenar yang ada dalam diri seseorang manusia. Maka, seseorang harus *reboot* diri dan *reboot* jiwa mereka untuk mencapai *reboot* kesantunan (*politeness*), iaitu sentiasa memiliki akhlak yang terpuji untuk hidup secara bermasyarakat. Kembalikan kesantunan atau *Reboot Politeness* perlu dilakukan supaya akhlak seseorang berada dalam landasan sebenar atas faktor:



Rajah 1: Faktor Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*)

Berdasarkan rajah yang dipaparkan, jelas menunjukkan bahawa seseorang individu muslim itu hakikatnya bukan tidak berilmu tetapi mereka semakin melupakan tuntutan agama (perintah Allah dalam al-Quran) yang sepatutnya menjadi asas dalam kehidupan mereka. Punca pertama kegoyahan dalam akhlak diri berpunca daripada sikap tidak takut kepada Allah Taala tetapi lebih takutkan perkara-perkara yang bersifat keduniaan seperti pandangan orang lain terhadap mereka, harta, kekayaan dan perkara-perkara tahyul serta ghaib. Seterusnya, manusia sentiasa tidak jujur terhadap diri mereka sendiri apatah lagi dengan orang lain. Sentiasa menyembunyikan kebenaran dan tidak berlaku adil terhadap orang lain untuk mengejar pangkat dan kehidupan yang lebih baik dengan memijak maruah orang lain. Ini menjadikan mereka cenderung tidak berfikir sebelum berkata-kata sekali gus tidak dapat membezakan di antara yang benar (hak) dan yang salah (batil). Kecelaruan dan kekeliruan akal budi ini menjadikan mereka akhirnya tidak berupaya atau gagal dalam menentukan pilihan yang terbaik dalam hidup mereka ketika berhadapan dengan konflik. Maka, atas faktor-faktor inilah, usaha menyedarkan masyarakat perlu digiatkan supaya nilai murni dalam diri dapat dipugar kembali berlandaskan al-Quran dan Sunnah.

BAB 2

**MODUL DAN PENGISIAN
PROGRAM KESANTUNAN
ISLAM**

Seperi yang telah dijelaskan dalam bab 1, program yang dirangka ini mengambil pendekatan yang Islami, iaitu penerapan kesantunan dalam diri individu sebagai nilai universal daripada perspektif al-Quran yang diharapkan akan dapat menjadi contoh tauladan dan memberi semangat kepada orang Islam dan bukan Islam khususnya dalam kalangan generasi pelajar, pensyarah, ibu bapa dan masyarakat yang terlibat. Maka, dalam bab ini akan dihuraikan secara terperinci pendekatan dan pengisian modul program yang menepati kerangka kursus di universiti awam.

Bab ini akan dibahagikan kepada empat bahagian (seperti mana kandungan modul), iaitu:-

- Bahagian I** : Pengenalan Program
- Bahagian II** : Pendekatan dan Penghayatan Islam Sebagai Landasan Modul
- Bahagian III** : Bimbingan dan latihan dalam Gerak Kerja Berkumpulan dan Pengurusan Acara
- Bahagian IV** : Perlaksanaan Acara

Setiap bahagian akan dibincangkan secara terperinci dalam subtopik yang selanjutnya.

BAHAGIAN I:

A. Pengenalan Program

Bahagian pengenalan tentang projek (program) dilakukan oleh pensyarah dalam kuliah pertama pada semester semasa. Pelajar yang terlibat diberikan penjelasan dan pendedahan tentang penganjuran program Kembalikan Kesantunan adalah untuk memenuhi keperluan penilaian kursus di bawah item projek yang memperuntukkan markah sebanyak 40% daripada keseluruhan penilaian kursus (seperti mana yang telah disahkan dalam rangka kursus (*course outline*) oleh pihak senat universiti). Taklimat dan penerangan tentang hal ini dilaksanakan pada minggu pertama semester semasa, iaitu Semester 1 2019/2020. Rubrik dan pemarkahan

tentang projek juga dibincangkan agar kesemua pelajar yang terlibat memahami dengan jelas hala tuju serta pemarkahan program yang akan dilaksanakan. Contoh pengagihan markah adalah seperti berikut:

Jadual 1: Pembahagian Kerja Kursus dan Peratus Markah

NAMA KURSUS	KERJA KURSUS	PERATUS MARKAH
Kursus A	Esei Individu	20
	Pembentangan	20
	Kuiz	20
	Projek	40
JUMLAH		100

Pengendalian program diklasifikasi sebagai program yang berskala besar kerana melibatkan gabungan usaha sama di antara tiga program utama di Kuliah Bahasa dan Pengurusan UIAM, iaitu program Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa (MLCOM), program Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa (ENCOM), program Bahasa Arab untuk Komunikasi Antarabangsa (ARCOM); dengan Komiti Pengurusan dan Perwakilan Pelajar Mahallah Zaid Harithah, UIAM kampus Pagoh. Selain itu, program ini juga mendapat kerjasama dan penajaan (tetamu undangan kehormat dan selebriti) daripada pihak Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) serta Rumah Ngaji. Perincian jalinan kerjasama dan jumlah komiti yang terlibat dipaparkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Kerjasama Program Kesantunan di IPT

KERJASAMA	KURSUS	JUMLAH PELAJAR/ PESERTA
MLCOM	BMCO 3102 Kesantunan Bahasa	24
	BMCO 2107 Pragmatik dan Wacana	13
ENCOM	EMCO 3102 <i>Semantics</i>	22
ARCOM	ARCO 2101 Intercultural Communication	18
WUIF	-	-
Rumah Ngaji	-	-
JUMLAH		77

Pelajar jurusan MLCOM, ENCOM dan ARCOM menubuhkan jawatankuasa induk dan kecil bagi memastikan program dapat dilaksanakan dengan lancar. Pelajai dari ketiga-tiga jurusan yang terlibat harus mencari kesesuaian dan memastikan kolaborasi di antara mereka dapat memberi manfaat secara langsung mahupun tidak langsung kepada khalayak yang hadir. Penubuhan jawatankuasa diserahkan sepenuhnya kepada pelajar.

B. Pembahagian Acara Dan Pengisian Program

Dalam memastikan program ini benar-benar dapat menerapkan unsur Islam seperti mana yang dipersetujui dengan pihak WUIF, maka beberapa sesi perbincangan telah diadakan di antara tenaga pengajar, wakil pelajar dalam jawatankuasa tertinggi program dan pihak Mahallah Zaid Harithah. Ketetapan telah diambil dengan membahagikan program kepada tiga acara utama, iaitu (i) program Rahsia Insan Cemerlang Hidup (RICH), (ii) program Seminar Kembalikan Kesantunan Menuju Keharmonian Malaysia dan Global dan (iii) Pertandingan Video Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*). Perincian tentang acara diperlihatkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Acara dalam Program Kembalikan Kesantunan di IPT

PROGRAM	ACARA	TARIKH/ MASA	TEMPAT	TETAMU UNDANGAN
Kembalikan Kesantunan Pelajar di IPT	<i>Rahsia Insan Cemerlang Hidup (RICH 10.0): Legasi ke Syurga</i>	23 November 2019/ 4.30am - 7.30am	Musollah Mahallah Zaid Harithah, UIAM Kampus Pagoh	Puan Siti Khawa Jannah Nasuha, Pengarah Urusan Mak Siti Products (M) Sdn Bhd.
	<i>Seminar Kembalikan Kesantunan Menuju Keharmonian Malaysia dan Global</i>	23 November 2019/ 9am - 1pm.	Dewan Konvensyen, Hub Pendidikan Tinggi Pagoh	1. Dato' Dr. Nooh Gadut 2. Tn. Hj. Fazrul Ismail 3. Saudara Afiq Ismail - Wakil Anak Muda 4. Saudara Akhmal Hakim Mohamad-

				Wakil Pelajar UIAM
	<i>Pertandingan Video Pendek Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)</i>	1 hingga 30 November 2019.	FB Quran Hour	Juri: 1. Pn. Fadzliniza Zakaria, Ketua Penerbitan TV, Astro Ideaktif; 2. En. Nor Azam Syah Razmi, Pengarah Kreatif Grup Buku Karang kraf Sdn Bhd; 3. En. Taufik Asmady Abdul Aziz, Ketua Unit Media Sosial Sinar Harian.

Program bicara *Rahsia Insan Cemerlang Hidup (RICH 10.0)* yang bertemakan *Legasi ke Syurga* ini merupakan kesinambungan daripada siri-siri yang telah diterbitkan oleh pihak WUIF sebelum ini. RICH berkonsepkan Qiamullail dan mensasarkan kehadiran dalam kalangan para pensyarah dan pelajar-pelajar di UIAM kampus Pagoh disebabkan waktu siaran pada awal pagi (jam empat pagi sehingga azan subuh). Selain pengisian dipenuhi dengan zikir, ayat-ayat suci al-Quran daripada surah terpilih dan tadabbur, ia juga dirangka untuk mengetengahkan perkongsian pengalaman dan kejayaan usahawan Muslim sebagai tetamu undangan. Pengacara program ini ialah **Tn. Hj. Fazrul Ismail**. Kupasan surah-surah dalam al-Quran yang diketengahkan bertujuan membangkitkan semangat audiens untuk mencapai kejayaan tertinggi dalam hidup tanpa mengetepikan al-Quran dan Sunnah dalam diri peserta yang hadir.

Program *Seminar Kembalikan Kesantunan Menuju Keharmonian Malaysia dan Global* pula dikendalikan selepas program RICH dengan mensasarkan kehadiran audiens yang lebih ramai, iaitu melibatkan pelajar-pelajar dari IPT berhampiran, iaitu UTHM, UTM dan Politeknik serta masyarakat yang berada di kawasan Hub Pendidikan Pagoh, Panchor dan Bukit Gambir. Penyertaan juga melibatkan penyertaan wakil

pelajar daripada sekolah-sekolah rendah dan menengah di sekitar daerah Muar. Program ini bertujuan membangkitkan kesopanan yang ditonjolkan dalam Surah al-Kahf; ayat 19 dan Surah al-Rahman yang ada menyebut *al-Bayyan* (nikmat pertuturan yang membawa kepada kesantunan bahasa di dalam percakapan). Aktiviti dimulakan dengan pengisian dengan Pesan Kesantunan oleh Ulama, **Datuk Dr Nooh Gadot Ulamak**, Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor, diikuti dengan Sesi Tadabbur & Tazakkur bersama **Tn. Hj. Fazrul Ismail**, Ketua Pegawai Penyelidik WUIF, perkongsian daripada anak muda, **Afiq Ismail**, moderator **Akhmal Hakim Mohamad** dan persembahan hos dan selebriti agama, **Raqib Majid**.

Pertandingan video pendek mensasarkan golongan mahasiswa di institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi menghidupkan dan membangkitkan semula usaha mencapai keharmonian di dalam negara ini dan di peringkat global. Ia bertujuan mendapat maklum balas dan kreativiti pelajar untuk menyampaikan mesej nilai-nilai kesantunan dengan berpandukan al-Quran melalui medium video. Hadiah kemenangan yang ditawarkan seperti dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Kategori Pertandingan Video Pendek Reboot Politeness

PROGRAM	KATEGORI	HADIAH
Pertandingan Video Pendek Reboot Politeness	A. Video Terbaik Pilihan Juri	RM1,000
	B. Pengarah Terbaik	RM500
	C. Video Paling Interaktif	RM500

Pemenang akan dipilih dan dimaklumkan dalam akhbar Sinar Harian (*online*) dalam tempoh sebulan daripada tarikh program dilaksanakan secara langsung oleh pihak WUIF.

BAHAGIAN II:

A. Pendekatan dan Penghayatan Islam Sebagai Landasan Modul

Pendekatan dan penghayatan nilai-nilai dan prinsip Islam diterapkan ke dalam modul melalui aplikasi surah-surah yang terdapat di dalam al-Quran, seperti surah Al-Fatihah, surah al-Kahf dan surah al-Rahman sebagai pengisian dalam setiap acara yang telah dibahagikan sebelum ini (rujuk huraian dalam subtopik B: Pembahagian Acara Dalam Program Kembalikan Kesantunan m/surat 3).



Rajah 2: Nilai Yang Berkait dengan Kesantunan Dalam Surah al-Fatihah

Berdasarkan Rajah 2 di atas, ayat 1 hingga 7 yang terdapat dalam surah al-Fatihah dilihat menepati tiga nilai yang boleh dikaitkan dengan perilaku sopan dan santun dalam diri setiap manusia, iaitu aqidah, ibadah dan tanggungjawab sosial.

Ayat 1 hingga 4 misalnya menepati nilai aqidah seseorang manakala ayat 5 menepati nilai ibadah dan tanggungjawab sosial seseorang manusia sebagai hamba yang mentaati Allah SWT. Ayat 6 hingga 7 pula menepati nilai akhlak seseorang dalam menjalani kehidupan sebagai hamba Allah yang perlu dijaga dan dipelihara untuk memmanifestasikan perilaku yang baik dan terpuji. Perincian maksud ayat-ayat yang dirujuk dalam surah al-Fatihah ini dipaparkan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Makna Ayat dalam Surah Al-Fatihah dan Nilai

AYAT	MAKNA	NILAI
1	بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang	Aqidah
2	الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ Segala puji bagi Allah, Rab alam semesta	
3	الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Maha Pemurah lagi Maha Penyayang	
4	مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ Yang menguasai Hari Pembalasan	
5	إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ Hanya Engkau yang kami sembah, dan hanya kepada Engkau kami meminta pertolongan	Ibadah & Tanggngjawab Sosial
6	أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ Tunjukilah kami jalan yang lurus	Akhlak
7	صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (Iaitu) jalan orang yang telah Engkau berikan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat	

Berdasarkan tiga nilai yang diwakili dalam tujuh ayat yang terkandung dalam surah al-Fatihah, setiap nilai dikatakan mempunyai perkaitan di antara satu sama lain dalam menjelmakan perilaku sopan dan santun seseorang.


B. Kerangka Konsep

Kerangka konsep surah Al-Fatihah yang diuraikan dalam subtopik sebelum ini seterusnya digunakan sebagai asas bagi pembentukan Model Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*) dalam diri setiap individu bagi melahirkan masyarakat yang hidup saling harmoni dan berusaha menjauhi konflik dalam komunikasi seharian mereka.

Usaha ini sangat berkait rapat dengan tiga nilai yang dinyatakan, iaitu Aqidah mencakupi perkara-perkara berkenaan hubungan manusia dengan tuhan (*hablum minnallah*), Ibadah & Tanggungjawab Sosial - hubungan manusia dengan manusia yang lainnya (*hablum minannas*); dan Akhlak, iaitu mencakupi perkara-perkara yang

berkait dengan kebijaksanaan serta akal budi yang membawa manusia ke arah kebaikan dan kejayaan.

Perkaitan yang membentuk kerangka konsep Kembalikan Kesantunan (4K) ini dapat digambarkan perinciannya dalam Rajah 3 di bawah.



Rajah 3: Kerangka Konsep Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*) - 4K

Berdasarkan Rajah 3 di atas, surah al-Fatihah yang diturunkan di Mekah dan mengandungi 7 ayat kesemuanya diambil sebagai kerangka konsep yang akan mendasari keseluruhan program. Surah ini disebut al-Fatihah (pembukaan) kerana surah ini adalah pembukaan atau permulaan al-Quran. Surah ini juga dinamakan “Ummul Quran” (induk al-Quran) atau “Ummul Kitab” (induk Al-Kitab) kerana ia merupakan induk dan intisari bagi isi kandungan al-Quran. Al-Bukhari mengatakan;

“Dinamakan dengan Ummul Kitab kerana surah tersebut menjadi surah pembuka dalam penyusunan mashafnya, dan juga menjadi pembuka pada bacaan dalam solat.”

Surah ini juga dinamakan “*As-Sab’ul Matsaani*” (tujuh yang berulang-ulang) kerana ayatnya yang tujuh itu dibaca berulang-ulang kali dalam solat. Maka, surah ini dilihat sebagai nadi utama yang menggerakkan tiga nilai, iaitu Aqidah, Ibadah dan Akhlak dalam diri seseorang berdasarkan kedudukannya yang sangat penting dalam al-Quran dan solat.

BAHAGIAN III:

Bahagian ini menumpukan pada dua aspek, iaitu (i) bimbingan dan latihan, dan (ii) gerak kerja berkumpulan. Bimbingan dan latihan mencakupi beberapa siri pertemuan dan mesyuarat yang berlaku di peringkat praprojek, permulaan, pertengahan, akhir dan selepas projek berakhir (*post-mortem*).

A. Bimbingan dan Latihan

Bimbingan dan latihan diberikan kepada pelajar melalui teknik komunikasi secara langsung dan interaktif dengan mengadakan pertemuan-pertemuan khusus bagi membincangkan perjalanan program mengikut pemeringkatannya, iaitu pra, permulaan, pertengahan, akhir dan selepas program (*post-mortem*). Di peringkat prapermulaan, kesemua pelajar yang terlibat dalam jawatankuasa (gabungan ketiga-tiga program pengajian) dikumpulkan untuk mendengar taklimat mengenai program oleh pensyarah dan pihak penajaan.

Pelajar kemudiannya diminta melantik ahli jawatankuasa berdasarkan konsep pemerhatian, pengalaman dan pencalonan mengikut suara ramai. Mereka kemudiannya mengendalikan sesi-sesi pertemuan secara berkala dengan komiti yang dilantik, ketua-ketua komiti, dan pertemuan di antara komiti induk, ketua-ketua komiti dan pihak penaja.

Pihak WUIF (selaku penaja) memperlihatkan penglibatan dengan memberi bimbingan dari aspek keagamaan dan latihan melalui pertemuan yang diatur dengan pelajar sebagai salah satu usaha menyampaikan dakwah. Pelajar dibimbing agar dapat berinteraksi serta bekerjasama secara hikmah, mengurangkan pergeseran dan konflik dengan menjadikan **Kerangka Konsep 4K** sebagai asas. Penerapan unsur Islam berlandaskan **Kerangka Konsep 4K** dalam segala bentuk percakapan lisan, bukan lisan dalam setiap gerak kerja menjadikan program ini sangat istimewa dan dilihat praktikal dalam mengembalikan nilai insaniah, budi pekerti serta nilai murni yang lainnya dalam diri mereka.

B. Gerak Kerja Berkumpulan

Pembentukan komiti induk dan kecil telah dilakukan oleh pelajar yang terlibat dalam program ini. Pelaksanaan gerak kerja kumpulan menekankan **Kerangka Konsep 4K** yang telah dibentuk dan disesuaikan dengan keperluan komunikasi setiap komiti. Jadual 6 memaparkan contoh perjalanan gerak kerja kumpulan dalam komiti induk & kecil.

Jadual 6: Aplikasi Kerangka Konsep 4K dalam Gerak Kerja Berkumpulan

KOMITI	AHLI	ACARA	APLIKASI KERANGKA KONSEP 4K
Induk & Kecil	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengerusi ● Timb. Pengerusi ● Setiausaha ● Pen. Setiausaha ● Bendahari ● Pen. Bendahari ● Ketua-ketua AJK & ahli 	Mesyuarat Kali Pertama Program	
		Agenda: 1. Permulaan mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> ● Bacaan petikan surah pilihan daripada al-Quran ● Tadabbur ringkas ● Refleksi diri berdasarkan tadabbur dan harapan dalam mesyuarat yang sedang berlangsung
			<ul style="list-style-type: none"> ● Bacaan/ nyanyian doa rabitah oleh wakil pelajar lelaki ● Zikir ringkas menyucikan hati

		2. Pertengahan Mesyuarat	Pengendalian mesyuarat secara berhemah dan menjaga lisan/perilaku <ul style="list-style-type: none"> ● Adab berbincang ● Adab menegur ● Adab menyanggah pendapat ● Adab menghadapi konflik
		3. Penutup Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> ● Bacaan petikan surah pilihan daripada al-Quran ● Tadabbur ringkas ● Refleksi diri 2 berdasarkan perjalanan mesyuarat

BAHAGIAN IV:

Bahagian ini berfokus pada aplikasi **Kerangka Konsep 4K** dari aspek pelaksanaan program pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Persediaan mental dan fizikal pelajar yang terlibat seharusnya berada pada tahap yang tertinggi memandangkan program ini merupakan program berskala besar yang melibatkan pemeliharaan hubungan dua hala di antara pihak UIAM dengan pihak penaja, media yang membuat liputan dan masyarakat setempat.

Perlaksanaan Acara

Aspek pelaksanaan acara dipantau dan diberikan perhatian utama oleh komiti dalam memastikan ia dapat berjalan lancar. Aplikasi **Kerangka Konsep 4K** dilakukan dari aspek menjaga lisan dan perilaku dengan mengutamakan adab ketika berinteraksi dan berkomunikasi sama ada secara lisan mahupun bukan lisan dengan pelbagai pihak sepanjang program berlangsung. Kata-kata kunci yang ditemui dalam surah-surah yang menceritakan tentang sifat halus dan santun dalam al-Quran diambil dan dijadikan prinsip amalan oleh pelajar yang terlibat dalam program ini supaya dapat

menjadi contoh kepada masyarakat yang lain. Enam prinsip ini dinamakan sebagai Prinsip IIHTEE seperti di bawah.

PRINSIP "IIHTEE"	
IBADAH	➡ Keupayaan menjaga akhlak
IKHLAS	➡ Mengelakkan konflik
HALUS	➡ Menjaga bahasa, percakapan
TELITI	➡ Menepati masa, akal budi sesuai konteks
EMPATI	➡ Bersangka baik, memahami
ETIKA	➡ Penggunaan media sosial

Rajah 4: Prinsip IHTEE

Mesej-mesej dan pengajaran yang diselit di dalam al-Quran menjadi petunjuk dalam memastikan pelaksanaan program berjalan dengan lancar. Al-Quran merupakan panduan hidup yang lengkap untuk dijadikan pegangan agar tidak tersasar ke jalan yang salah. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 9 yang bermaksud:

"Sesungguhnya al-Quran ini memberikan petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam) dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka peroleh pahala yang besar."

Justeru, umum perlu mengetahui dengan jelas bahawa mempelajari al-Quran bukan sahaja dengan tujuan untuk mempelajari cara membaca dan memahami hukum tajwid, malahan meneroka serta menerangkan isi al-Quran yang perlu diselami dan juga merupakan suatu kewajipan untuk umat Islam dalam menjalani hidup untuk mencari keredhaan Allah SWT.

BAB 3

**K E S A N T U N A N
D A N
I S L A M**

Sebelum kesantunan bahasa diperkenalkan di Eropah, Islam lebih dahulu menggariskan panduan kesantunan bahasa dalam pertuturan (Wan Siti Fatimatul Akmal & Suhaila, 2019). Islam dikatakan agama yang memberi petunjuk sepanjang zaman dan mendidik umatnya berperilaku serta berakhlak baik dengan menekankan adab mulia ketika berkomunikasi. Tutur kata yang beradab, sopan, halus diselangi dengan budi pekerti yang mulia melambangkan keperibadian Muslim yang sejati.

Bahasa Melayu dan Islam mempunyai perkaitan yang sangat kukuh sejak kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu kerana dikatakan menjadi faktor kemunculan pusat-pusat tamadun Melayu yang menghasilkan ramai para ulama, pemikir dan pujangga dengan hasil karya agung dalam pelbagai bentuk seperti prosa, puisi dan kitab-kitab ilmiah (akidah, fekah, tasawuf, histografi, sastera dan sebagainya). Antara karya agung yang terhasil dan masih diingati sehingga ke hari ini ialah Gurindam 12 oleh Raja Ali Haji. Karya-karya ini yang mengandungi nasihat, panduan serta pepatah petitih orang Melayu yang secara tidak langsung telah menjadikan bahasa Melayu penting sebagai alat komunikasi masyarakat pada ketika itu dan perkembangannya seiring dengan proses dakwah islamiah yang berlaku sehinggalah ke hari ini. Melalui karya-karya agung ini juga, secara tidak langsung nilai sopan santun dan perilaku yang halus serta berhemah yang menjadi sendi peradaban orang Melayu telah dapat dipaparkan dengan jelas.

KESANTUNAN DALAM AL-QURAN

Al-Khatib (2012) seperti yang dipetik dalam Wan Siti Fatimatul Akmal dan Suhaila (2019) berpendapat bahawa kesantunan yang terdapat dalam al-Quran berkait rapat dengan hubungan antara Pencipta dengan hamba, manusia sesama manusia dan antara individu dengan masyarakat. Aspek kesantunan yang dapat dilihat ketika seorang hamba itu meminta pertolongan atau berdoa kepada Tuhannya, jarak seorang hamba dengan Pencipta-Nya seakan-akan sangat dekat dan mempunyai hubungan yang rapat. Seseorang hamba itu perlu menjaga adab dan kesantunan ketika berdoa dan meminta pertolongan Allah sebagaimana firman Allah Taala dalam Surah al-A'raf ayat 55 yang bermaksud,

...Berdoalah kepada Tuhanmu dengan berendah diri dan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas...

Menurut Awang Sariyan (2007), kesantunan bahasa dan prinsip utama agama Islam dilihat perkaitannya secara langsung melalui dua peranan utama manusia diciptakan, iaitu untuk menyeru manusia ke arah kebaikan (*amar ma'ruf*) dan mencegah kemungkaran (*nahi mungkar*).

Terdapat lapan ayat daripada lapan surah di dalam al-Quran yang didapati mempunyai perkaitan dengan kesantunan. Perincian mengenai hal ini akan dipaparkan dalam Jadual 7 di bawah.

Jadual 7: Ayat Al-Quran dan Terjemahan Berkait Kesantunan

NO	SURAH/ AYAT	TERJEMAHAN	NILAI
1	6:103	la tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang la dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata), dan Dia lah Yang Maha Halus (melayan hamba-hamba-Nya dengan belas kasihan), lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya .	Maha Halus Maha Mendalam
2	12:100	Dan ia dudukkan kedua ibu bapanya (bersama-samanya) di atas kerusi kebesaran. Dan setelah itu mereka semuanya tunduk memberi hormat kepada Yusuf. Dan (pada saat itu) berkatalah Yusuf: "Wahai ayahku! Inilah dia tafsiran mimpiku dahulu. Sesungguhnya Allah telah menjadikan mimpiku itu benar. Dan sesungguhnya la telah melimpahkan kebaikan kepadaku ketika la mengeluarkan daku dari penjara; dan la membawa kamu ke mari dari dosa sesudah Syaitan (dengan hasutannya) merosakkan perhubungan antaraku dengan saudara-saudaraku. Sesungguhnya Tuhanku lemah-lembut tadbir-Nya bagi apa yang dikehendaki-Nya; sesungguhnya Dia lah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.	Lemah-lembut
3	18:19	Dan demikianlah pula Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya mereka bertanya-tanyaan sesama sendiri. Salah seorang di antaranya bertanya: "Berapa lama kamu tidur?" (sebahagian dari) mereka menjawab: "Kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (Sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih mengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapaupun menyedari akan hal kamu.	Berlemah-lembut
4	22:63	Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menurunkan hujan dari langit, lalu menjadilah bumi ini hijau subur	Maha Halus Lemah-lembut

		(dengan sebabnya)? Sesungguhnya Allah Maha Halus serta lemah-lembut (urusan tadbir-Nya), lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan hal-ehwal sekalian makhluk-Nya).	Maha Mendalam
5	31:16	(Luqman menasihati anaknya dengan berkata): "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalas-Nya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus Pengetahuan-Nya ; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.	Maha Halus
6	33:34	Dan ingatlah (serta amalkanlah) apa yang dibaca di rumah kamu dari ayat-ayat Allah (al-Quran) dan hikmah pengetahuan (hadis-hadis Rasulullah). Sesungguhnya Allah Maha Halus tadbir-Nya , lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya .	Maha Halus Maha Mendalam
7	42:19	Allah Maha Lembut tadbir-Nya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) kepada hamba-hamba-Nya; Ia memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut peraturan yang telah ditetapkan), dan Dia lah Yang Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.	Maha Lembut
8	67:14	Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? Sedang Ia Maha Halus urusan Pentadbiran-Nya , lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya!	Maha Halus Maha Mendalam

Jadual 7 memperlihatkan terjemahan terhadap lapan ayat yang mewakili lapan surah di dalam al-Quran yang mempunyai perkaitan dengan nilai kesantunan melalui tiga sifat Allah SWT yang dikenal pasti dalam tadbir urus-Nya ke atas manusia dan sekalian alam. Tiga sifat tersebut, ialah (i) Maha Halus, (ii) Maha Mendalam pengetahuan-Nya, dan (iii) Lemah-lembut/ Berlemah-lembut/ Maha Lembut. Ketiga-tiga sifat ini memperlihatkan bahawa Allah SWT sentiasa menyayangi dan mengasihi hamba-hamba-Nya (manusia).

SANTUN SEBAGAI MANIFESTASI AQIDAH

Maksud aqidah dari segi bahasa ialah simpulan iman ataupun pegangan yang kuat. Ia juga membawa erti satu keyakinan yang menjadi pegangan kuat pada seseorang. Akidah jika dilihat dari sudut istilah pula bermaksud kepercayaan yang pasti dan keputusan yang muktamad, iaitu seseorang yang berakidah tidak akan mempunyai perasaan yang bercampur baur dengan rasa syak atau keraguan sama ada akidah yang dipegang itu betul atau sebaliknya.

Dari sudut pandang Islam pula, seseorang yang berakidah akan sentiasa mempercayai, yakin dan beriman terhadap Allah SWT dengan mencakupi segala sifat-sifat-Nya, malaikat, kitab-kitab, para Rasul, hari akhirat dan beriman dengan takdir Allah sama ada buruk atau baik selagi ia datang daripada-Nya. Oleh itu, akidah Islam ialah keimanan dan keyakinan terhadap Allah dan Rasul-Nya serta apa yang dibawa oleh Rasul dan dilaksanakan dalam kehidupan.

Aqidah amat berkait dengan iman seseorang. Iman seseorang manusia akan bertambah dan berkurang mengikut amalan-amalan yang dilakukan seharian. Islam menggariskan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh seseorang untuk sentiasa meneguhkan keimanan dalam diri mereka, iaitu:

1. Usaha untuk melawan hawa nafsu
2. Usaha mengosongkan hati daripada sifat-sifat yang cela
3. Sentiasa melakukan perkara-perkara yang baik dan terpuji
4. Memupuk sikap ikhlas dan sentiasa berkorban semata-mata kerana Allah
5. Memperbanyak amalan-amalan sunat
6. Bertafakur, iaitu memerhatikan tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah

Berdasarkan huraian tentang aqidah di atas, maka santun sebagai aqidah boleh dimanifestasikan melalui perlakuan seseorang yang sentiasa berusaha menjaga lisan, perilaku dan niat dengan matlamat untuk memelihara diri daripada hasutan syaitan sekali gus mendekatkan diri dengan Allah SWT. Hal ini dapat dijelaskan melalui perkaitan dalam ungkapan yang terdapat di dalam al-Quran, iaitu *hablum minallah* yang bermaksud hubungan di antara manusia dengan Tuhan.

Dalam hal ini, manusia akan sentiasa memelihara hubungan mereka dengan Pencipta; melaksanakan kepatuhan dan ketaatan terhadap perkara-perkara yang disuruh dan meninggalkan perkara yang dilarang sebagai jalan menuju ke syurga. Begitu juga dengan mempercayai dan menghayati nama-nama serta sifat-sifat-Nya akan membolehkan seseorang meningkatkan keimanan mereka. Contohnya dua sifat Allah dalam lafaz *Bismillahir Rahmannir Rahim*, iaitu *ar-Rahman* (yang Maha pengasih) dan *ar-Rahim* (yang Maha Penyayang). Penghayatan terhadap dua sifat ini berupaya menjadikan seseorang mengambil usaha untuk memantapkan dirinya menjadi peribadi yang mengasihi dan menyayangi umat manusia sama ada dalam percakapan mahupun perbuatan tanpa mengira perbezaan ras, budaya dan agama.

SANTUN SEBAGAI MANIFESTASI IBADAH

Tujuan atau matlamat manusia diciptakan seperti yang telah dijelaskan di dalam al-Quran adalah untuk beribadah kepada-Nya semata-mata (Al-Quran, 51:56). Bertitik tolak daripada aqidah dan kepercayaan yang tinggi terhadap Pencipta, Islam menetapkan bahawa perlakuan ibadah yang sebenar adalah ketika seseorang itu sentiasa menundukkan diri sebagai hamba yang taat dan patuh sekali gus menandai keimanannya yang teguh terhadap Allah SWT. Ibadah tercakup ke dalamnya segala bentuk fardu ain dan fardu kifayah yang dimanifestasikan melalui hubungan di antara manusia dengan manusia yang lain atau *hablum minannas*.

Konsep *hablum minannas* yang dihayati oleh seseorang individu dengan baik akan membolehkan mereka berusaha menggilap peribadi yang unggul dalam menjalani hidup bermasyarakat. Ini dianggap sebagai ibadah bagi mereka selagi berusaha untuk mengelakkan konflik, saling bantu membantu dan memelihara sillaturrahim serta meninggalkan segala perbuatan yang cela seperti mana firman Allah SWT dalam Surah al-Mu'minin (ayat 1 hingga 6) yang bermaksud:

"Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya dan mereka yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia; dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu) dan mereka yang menjaga kehormatannya, kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela."

Dalam konteks ini, Pencipta yang bersifat "Maha Halus", "Maha Meliputi" dan "Maha Mengetahui" meletakkan manusia sentiasa dalam pengawasan-Nya. Setiap manusia tidak dapat lari daripada diperhati dan diawasi akan setiap perlakuan dan tutur kata yang terzahir.

SANTUN SEBAGAI MANIFESTASI AKHLAK

Apabila seseorang melaksanakan ibadah dengan betul dan bersungguh-sungguh, memastikan ia sempurna dan berniat ikhlas semata-mata kerana Allah SWT, secara automatik akhlak yang terpuji akan terbentuk dalam dirinya. Maka, boleh dikatakan bahawa akhlak yang baik dan peribadi yang unggul seseorang itu amat bergantung pada keimanan yang teguh dan kental. Seseorang yang berakhlak baik sudah pasti akan sentiasa menggunakan kebijaksanaan dan kepekaan dalam menjalani kehidupan bermasyarakat secara positif dan bebas konflik. Nilai positif yang diamalkan ini akan melahirkan masyarakat yang hidup secara harmoni berteraskan prinsip Islam. Perkara tentang akhlak ini ada diperkatakan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."

Hal ini membuktikan bahawa akhlak Rasulullah SAW (seperti mana yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah r.a) ialah akhlak al-Qur'an yang menjadi asas akhlak dan kesantunan umat Melayu Islam. Kedudukan akhlak dan sikap menyantuni orang lain amat dipandang tinggi dalam Islam, lebih-lebih lagi apabila Islam itu sendiri dianggap sebagai suatu pekerti yang luhur. Melalui akhlak yang baik dan terpuji, masyarakat akan hidup saling menghormati dan menyayangi di antara satu sama lain. Perbalahan dan konflik dapat dihindari dan setiap makhluk dapat hidup dengan aman damai seperti mana yang mereka impikan.

PEMUPUKAN SEMULA NILAI MURNI

Kesedaran terhadap nilai murni dalam diri individu yang semakin sirna harus dipandang sebagai suatu fenomena sosial yang membimbangkan. Individu yang hilang jati diri dan nilai murni sudah tentu akan membentuk masyarakat yang sama acuannya. Oleh itu, terdapat empat nilai murni yang boleh kembali dipupuk dan dibugarkan dalam diri setiap individu, iaitu sikap ikhlas, sentiasa bersabar, bersikap adil dan sikap taat. Empat nilai asas ini jika ditinjau dari perspektif Islam yang sebenar akan berupaya melahirkan individu yang kembali memiliki akal budi dan berperspektif positif dalam kehidupan bermasyarakat yang ditempuhnya.

1. Sikap Ikhlas

Seseorang yang memiliki sifat ikhklas tidak akan pernah mengeluh walau memperoleh nikmat sebesar zarah daripada-Nya. Malah, mereka akan sentiasa melaksanakan setiap ibadah bertunjangan keikhlasan hati tanpa mengharapkan sesuatu, iaitu semata-mata kerana Allah SWT. Seseorang yang mementingkan keikhlasan dalam setiap tindak tanduk mereka dikatakan seorang yang sentiasa menang, terhindar daripada sikap yang tercela dan amalannya mudah diterima. Pentingnya sifat ikhlas ini ditunjukkan oleh Allah SWT melalui maksud ayat-ayat al-Quran seperti berikut:

Surah Al-A'raf (ayat 29);

“Katakanlah, “Tuhanku menyuruhku untuk berlaku adil. Dan hadapkanlah wajahmu (kepada Allah) pada setiap shalat, dan sembahlah Dia dengan mengikhhlaskan ibadah semata-mata hanya kepada-Nya. Kamu akan dikembalikan kepada-Nya sebagaimana kamu diciptakan semula.”

Surah Az-Zumar (ayat 2-3);

“Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab (Al-Qur’an) kepadamu (Muhammad) dengan membawa kebenaran. Maka sembahlah Allah dengan tulus ikhlas beragama hanya kepada-Nya. (2) Ingatlah, hanya milik Allah agama yang murni (bersih daripada syirik). Dan orang-orang yang mengambil pelindung selain Dia (mereka berkata), “Kami tidak menyembah mereka melainkan dengan harapan agar mereka mendekatkan kami kepada Allah sedekat-dekatnya.” Sesungguhnya Allah akan memberi putusan di antara mereka tentang apa yang mereka perselisihkan. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada pendusta lagi sangat ingkar.”

2. Sikap Sabar

Sikap sabar memberi banyak manfaat kepada seseorang. Dalam al-Quran sendiri ada menegaskan sikap sabar yang harus diutamakan ketika manusia berhadapan dengan ujian dan dugaan daripada-Nya. Sebanyak 90 kali sifat sabar diulang sebut dalam al-Quran untuk menyeru umat manusia supaya menahan diri atau meninggalkan sesuatu yang boleh membawa kemudaratan atau rasa marah. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Hud, ayat yang ke-11, yang bermaksud;

“Kecuali orang-orang yang sabar dan mengerjakan amal soleh maka mereka itu akan beroleh keampunan dan pahala yang besar.”

Selain itu, kepentingan sifat sabar turut dinyatakan seperti mana firman Allah SWT di dalam Surah al-Ankabut, ayat yang ke 58 dan 59, iaitu;

“Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, Kami akan tempatkan mereka dalam mahligai-mahligai di syurga yang mengalir di bawahnya beberapa batang sungai, mereka kekal didalamnya (ayat 58). Demikianlah balasan yang sebaik-baiknya bagi orang-orang yang beramal soleh (ayat 59), iaitu mereka yang sabar dan mereka yang berserah diri bulat-bulat kepada Tuhannya.”

Justeru itu, seseorang yang berjaya menahan kemarahan dan bersabar berupaya membentuk diri mereka menjadi seseorang yang berperibadi unggul.

3. Bersikap Adil

Seseorang yang adil akan mengetepikan emosi dan persepsi pada tempatnya ketika melakukan sesuatu pertimbangan atau keputusan. Sifat adil dibahagikan oleh para ulama kepada beberapa peringkat, iaitu adil terhadap diri sendiri, adil terhadap orang yang lebih rendah tarafnya daripada kita, adil pada tahap kepemimpinan, dan juga adil di antara saudara. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyatakan tentang keberuntungan dan manfaat yang diperoleh daripada sikap adil ini. Antaranya seperti mana maksud surah an-Nahl: ayat 90, iaitu:

"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran, dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran."

Rasulullah SAW juga ada bersabda yang bermaksud (Riwayat al-Bukhari dan Muslim):

“Tiga perkara yang akan menyelamatkan seseorang itu daripada kemurkaan Allah SWT ialah rasa takut kepada Allah SWT ketika bersendirian dan di khalayak ramai; berlaku adil ketika suka dan marah; serta berjimat cermat ketika susah dan senang. Tiga perkara yang membinasakan pula ialah mengikut nafsu, terlampau kedekut atau bakhil dan rasa kagum dengan dirinya sendiri.”

4. Sikap Taat

Ketaatan seseorang Muslim sudah pasti merujuk pada sikap taat setia terhadap segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala bentuk larangan-Nya. Ketaatan turut merujuk pada kepatuhan dalam menjalankan ibadah tanpa perasaan berbelah bahagi dengan menumpukan sepenuhnya kesetiaan pada Allah SWT dan rasul-Nya. Selain itu, sikap taat turut memperlihatkan kebertanggungjawaban seseorang terhadap ibu bapa, pemerintah atau pemimpin negara malah ketua-ketua dalam keluarga mahupun komiti tertentu. Namu begitu, Islam melihat ketaatan dan kepatuhan ini harus berada dalam landasan agama yang benar dan jelas dari aspek matlamat, tindakan dan pengurusan personal, iaitu selagi ia tidak bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah.

Firman Allah SWT yang menegaskan manusia agar mentaati segala perintah-Nya dan sentiasa mempunyai rasa takut dan bertakwa ada dalam surah asy-Syu'ra ayat 108, 110, 126, 131, 144, 150, 163 dan 179, seperti maksud di bawah:

“Maka oleh yang demikian, takutilah kamu akan (kemurkaan) Allah dan taatlah kepadaku.”

Surah al-Maidah (ayat 92);

“Dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasul Allah, dan awaslah (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan Rasul-Nya). Oleh itu jika kamu berpaling (enggan menurut apa yang diperintahkan itu), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas nyata.”

BAB 4

**REFLEKSI
PESAN KESANTUNAN**

Berdasarkan program Kembali Kesantunan (*Reboot Politeness*) yang dilaksanakan, beberapa ekstrak refleksi/anekdot Pesan Kesantunan (**Dato' Nooh Gadot**), Tadabbur Surah Ar-Rahman dan Resolusi *Reboot Politeness* (**Tn. Hj. Fazrul Ismail**) serta refleksi bicara santun oleh panel undangan akan dipaparkan bagi memperlihatkan intipati pengisian program dan perkaitan di antara kerangka konsep **Kembali Kesantunan 4K** yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Dua surah yang ditadabbur dalam bual bicara dengan ahli panel, iaitu surah ar-Rahman dan surah al-Kahfi.

UCAPTAMA PESAN KESANTUNAN: Dato' Dr. Nooh Gadot



“Adat bersendikan Hukum. Hukum bersendikan kitabullah”

(Dato' Dr. Nooh Gadot: Seminar Kembali Kesantunan (*Reboot Politeness*) Menuju Keharmonian Global, 23 November 2019)

Jadual 8: Pesan Kesantunan Oleh Dato' Dr. Nooh Gadot

MODEL 4K	KAEDAH	MANIFESTASI	EKSTRAK REFLEKSI/ ANEKDOT
Santun sebagai ibadah	Jaga hubungan dengan Tuhan/ Hablum minallah	Solat Puasa Zakat Sedekah Perbetul niat	“Menjaga diri daripada melakukan perkara-perkara yang mungkar akan memelihara hati seseorang sentiasa dalam keadaan baik.”
		Kejayaan dalam hidup berpandu pada hubungan dengan Allah	“Hubungan manusia dengan Allah menjadi asas dalam kehidupan kita. Tanpa hubungan ini, maka harta, pangkat, politik, jawatan, nama dan gelaran akan musnah.”

		Malu pada Allah	“Kemuncak kesantunan ialah MALU pada Allah untuk melakukan kesalahan. Malu itu sebahagian daripada iman dan akhlak.”
Santun sebagai tanggung jawab sosial	Jaga hubungan dengan manusia/ Hablum minannas	Hubungan dengan Nabi Muhammad SAW, ibu bapa dan suami/isteri	“Jaga hubungan dengan Nabi Muhammad SAW dan ibu bapa kita. Kelahiran kita daripada ibu bapa kita. Tanpa mereka tiadalah kita. Janganlah sombong dengan jawatan dan pangkat. Kesantunan kita kepada ibu bapa dan suami isteri lebih penting.”
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjaga adat dan budaya dalam masyarakat. 2. Sentiasa merendah diri dan meraikan perbezaan agama serta cara hidup. 3. Elakkan sikap suka menghina orang lain. 	<p>Kisah 1 (Abu Dzar Menghina Bilal)</p> <p>“Janganlah mencontohi kisah Abu Dzar yang menghina Bilal hanya disebabkan perbezaan warna kulit di antara mereka.”</p> <p>“Perselisihan pandangan perlu diurus dengan penuh adab dengan merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah mengikut kaedah yang betul sebagai mana manhaj Rasulullah SAW dan para sahabat. Di antara punca perselisihan yang membawa kepada permusuhan apabila pihak yang berselisih tidak mahu tunduk menyerahkan kebenaran itu kepada wahyu.”</p>
		Menjaga etika ketika membuat kiriman kata-kata (menggunakan jari-jemari) ke media sosial	“Membuat kiriman kata-kata dengan penuh etika, iaitu menyebarkan sesuatu yang benar untuk mengelakkan fitnah. Jadilah <i>keyboard warrior</i> yang beretika, kirim kata-kata yang positif dan bagus-bagus untuk manfaat ummah. Bukan menjatuhkan mereka.”
		Menghindari sikap meninggi diri dan memandang rendah terhadap orang lain apabila menjadi orang yang berpangkat dan	<p>Kisah 2 (Akhlak Cucu Rasulullah SAW)</p> <p>“Allah menguji akhlak cucu Nabi Muhammad SAW dengan menghadirkan seseorang yang</p>

		berharta.	<p>bercakap secara kasar dengannya. Tujuan-Nya adalah untuk melihat akhlak cucu nabi terhadap orang lain (yang berkasar dengannya). Cucu Rasulullah melayan orang yang berkasar itu tadi secara baik dan berbudi tinggi. (Jadi) Didapati cucu Rasulullah (ini) sangat tertib dan berakhlak tinggi (di mata orang sekeliling).”</p> <p>“Kita kalau jadi orang besar, anak isteri kita lebih teruk akhlaknya daripada kita yang dah sedia teruk. Ini kisah tauladan.”</p>
	Jaga hubungan dengan alam (<i>habluminal ‘alam</i>)	Sentiasa berbuat baik dan memberi ihsan terhadap haiwan (sekalipun haiwan yang dilarang sentuh dalam Islam) yang diciptakan oleh Allah Taala di muka bumi ini.	<p>Kisah 3 (Seorang Lelaki dengan Seekor Anjing)</p> <p>“Seorang lelaki sedang berjalan di sebatang jalan. (Dia) Sangat dahaga dan jumpa satu telaga. Dia nak sangat minum tapi terjumpa (terlihat) dengan seekor anjing yang (juga) dalam kehausan sambil menjilat tanah (bekas) lopak air. Lelaki tu berkata: “Sesungguhnya anjing ini dahaga sebagaimana dahaganya aku.” Lalu dia mengambil air dari perigi menggunakan kasutnya dan diberi minum anjing tersebut. Allah SWT mengucapkan terima kasih dan mengampuni dosanya.”</p> <p>“Masya-Allah, begitulah keadaan kesantunan dengan binatang dan alam.”</p>

**EKSTRAK TADABBUR DAN TAZAKKUR: Tn. Hj. Fazrul Ismail
(Moderator)**



“Objektif Seminar *Reboot Politeness Towards Malaysia & Global Harmony* adalah membangkitkan kesopanan yang ditonjolkan dalam Surah al-Kahf ayat 19 dan Surah ar-Rahman yang menyebut al-Bayyan (nikmat pertuturan yang membawa kepada kesantunan bahasa di dalam percakapan)..”

(Tn. Hj. Fazrul Ismail: Seminar Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*) Menuju Keharmonian Global, Sinar Harian: 27 Julai 2019)

Jadual 9: Tadabbur dan Tazakkur Oleh Tn. Hj. Fazrul Ismail

MODEL 4K	KAEDAH	MANIFESTASI	EKSTRAK REFLEKSI
Santun sebagai ibadah	Jaga hubungan dengan Tuhan/ Hablum minallah	Sentiasa percaya bahawa Allah Maha Penyayang dan Maha Halus sifatnya.	Tadabbur Surah Ar-Rahman: “Surah ar-Rahman memperlihatkan bahawa Allah ingin memberi ingatan kepada kita semua bahawa Allah Maha Penyayang. Maka, jika sesiapa pada saat ini merasa diri mereka dalam masalah, cabaran, ada kekurangan dalam diri, sedang berduka, dihambat peritnya kehidupan ingatlah bahawa Allah sayangkan kita. Ujian itu tanda Dia sayang.”
		Menghargai dan bersyukur dengan nikmat yang Allah kurniakan dalam hidup kita sebagai manusia	Tadabbur surah ar-Rahman: “Apa sahaja yang berlaku dalam hidup kita yang lepas, apa saja kesilapan yang kita lakukan, sama ada baik atauburuk tetapi Allah Taala tetap akan memberi nikmat dalam hidup kita, sama ada kita Ahmad, Ah chong, atau Muthu. Ar Rahman tetap memberi oksigen, rahmat, memberi makan, memberi dan terus memberi.”

			<p>Tadabbur Surah Ar-Rahman:</p> <p>“Allah nyatakan empat nikmat dalam ayat yang ke-2 hingga ke-5. Penting untuk sama-sama kita perhatikan kerana ia menjadi bukti Allah sangat sayang kepada kita semua. Buktinya? Allah bagi bukti dalam ayat ke-2, iaitu dengan mengajarkan al-Quran. Kaitan al-Quran dengan ar-Rahman ialah apabila kita dapat berkumpul pada hari ini. Dengar saudara Raqib membaca doa sebentar tadi, jika kita rasa tenang itulah rahmat Allah Taala yang paling besar.”</p> <p>“Ayat ke-3 menceritakan nikmat seseorang mengajar, belajar, hafaz al-Quran. Kena ingat nikmat itu nikmat terbesar. Hubungan dengan Allah dengan bersopan dengan Allah, iaitu baca al-Quran dengan adab dan sopan serta berlembut dengan Allah.”</p>
Santun sebagai tanggung jawab sosial	Jaga hubungan dengan manusia/ Hablum minannas	Menghargai dan berlemah-lembut terhadap manusia yang rapat dan paling hampir dengan kita seperti ibu bapa.	<p>Tadabbur Surah ar-Rahman:</p> <p>“Ayat ke-3 ini juga menceritakan hubungan dengan manusia. Bayangkan kalau orang (yang duduk) di sebelah kita sekarang (di dalam dewan) bukan manusia. Bayangkan (yang duduk) sebelah saya sekarang seekor panda, seekor kangaroo. Adakah kita dapat ketenangan? Sebab itu diciptakan manusia di antara kita, supaya kita boleh berinteraksi dengan lemah-lembut. Contohnya ibu ayah, pasangan yang sudah berkahwin, sesama rakan. Insan itu penuh dengan kelupaan. Alhamdulillah, kita ada sifat lupa (kita akan sentiasa perbaiki diri dan ingat Allah).”</p>

		<p>Menggunakan lidah untuk melafazkan perkataan yang boleh memberi manfaat kepada orang lain.</p>	<p>“Ayat ke-3 menyebut al-Bayaan, iaitu memberi kemampuan (kepada) manusia bercakap. Saya akan bercakap dengan tetamu-tetamu yang ada di samping saya (ahli panel). Perkataan yang diujarkan oleh kami nanti... Bayangkanlah apa yang saya akan perkatikan. Perkataan itulah yang diajarkan oleh manusia. Siapa yang ajar? Ar-rahman yang mengajarkannya. Oleh sebab itu, (kita) nak <i>reboot politeness</i> daripada surah ar-rahman, (dan) surah al-kahf.”</p>
		<p>Menjadi pemuda al-Kahf (melalui kefahaman maksud dalam surah al-Kahf) yang sentiasa berhati-hati menggunakan lidah dan jari-jemari ketika melafaz/menulis sesuatu.</p>	<p>Melahirkan pemuda al-Kahfi... yang berlemah lembut apabila melafazkan sesuatu dengan lidah untuk membawa kebenaran. Sebab itulah kena menjauhi kezaliman dengan lidah, dengan jari jemari. Bercakaplah dengan bahasa yang jelas, bernas dan berhemah.</p> <p>“Pemuda al-Kahf ialah pemuda yang memperjuangkan kesopanan dengan (atas nama) Allah, kesopanan dengan manusia, kesopanan dengan alam. Alhamdulillah, kita dapat (diturunkan panduan oleh Allah Taala melalui surah) surah al-Kahf dan surah ar-Rahman.”</p> <p>“Maka, <i>reboot politeness</i> bukanlah (untuk) kita beragama Islam semata-mata (menunjukkan ketaatan dan kepatuhan). Tetapi atas rasa tanggungjawab untuk merealisasikan (apa yang telah diturunkan oleh Allah Taala) surah ar-Rahman dan al-Kahf.”</p>

**EKSTRAK KESANTUNAN PANEL 1: Saudara Akhmal Hakim
Mohamad (Wakil Pelajar UIAM)**



“Sebagai pelajar universiti, kita sentiasa perlu menimba ilmu dan perbaiki nilai diri. Jangan mudah bersikap sombong dan tinggi diri dengan pensyarah. Keberkatan ilmu jadi keutamaan.”

(Akhmal Hakim Mohamad: Seminar Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*) Menuju Keharmonian Global,

Jadual 10: Ekstrak Kesantunan Oleh Panel 1 - Saudara Akhmal Hakim Mohamad

MODEL 4K	KAEDAH	MANIFESTASI	EKSTRAK REFLEKSI
Santun sebagai ibadah	Jaga hubungan dengan Tuhan/ Hablum minallah	Keikhlasan dalam menimba ilmu ialah ibadah	“Ikhlas dengan guru/pensyarah itu penting untuk mendapat ilmu yang <i>barokah</i> . Jangan menyombong diri dan berlagak hebat dengan mereka. Sentiasa menghormati mereka seperti ibu bapa sendiri dalam keadaan apa sekalipun.”
		Didikan oleh ibu bapa terhadap anak-anak ialah ibadah	“Didikan akhlak yang baik daripada ibu bapa sangat penting dalam membina ciri santun dalam diri anak-anak. Ketika kecil, nenek pernah mengetuk kepala saya dengan tangannya hanya kerana tidak membalas sapaan seorang kawan ketika kami sedang berjalan ke kedai. Kejadian itu benar-benar memberi pengajaran kepada saya supaya sentiasa memulakan atau membalas sapaan orang sehingga sekarang”
Santun sebagai tanggung jawab sosial	Jaga hubungan dengan manusia/ Hablum minannas	Menjaga etika ketika menuntut ilmu: Tepati masa siapkan tugas	“Datang awal ke kelas, menyiapkan tugas dalam jangka masa yang diberikan oleh pensyarah. Jika buat salah, perlu menerima teguran oleh guru/pensyarah dengan hati terbuka,

			tanpa perlu berdendam atau mempengaruhi pelajar yang lain supaya membenci pensyarah tersebut.”
--	--	--	--

**EKSTRAK KESANTUNAN PANEL 2: Saudara Muhammad Afiq
Ismail
(Influencer Media Sosial)**



“So, selain doakan ibu dan ayah, kita kena doakan orang lain juga berjaya dan cemerlang. Apabila kita doakan kejayaan orang lain, Allah akan tambah rezeki kita. Kita juga akan cemerlang lebih lagi daripada orang lain.”

(Muhammad Afiq Ismail: Seminar Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness) Menuju Keharmonian Global, 23 November 2019)

Jadual 11: Ekstrak Kesantunan Oleh Saudara Muhammad Afiq Ismail

MODEL 4K	KAEDAH	MANIFESTASI	EKSTRAK REFLEKSI
Santun sebagai tanggung jawab sosial	Jaga hubungan dengan manusia (<i>Hablum minannas</i>)	Menghormati ibu bapa	<p>“Yang kurang baik (di Barat), (rasa) hormat di antara anak dan ibu bapa. Di sana (Barat) ibu bapa tak boleh rotan anak. Jadi penghormatan dengan ibu bapa agak kurang.”</p> <p>“Jadi saya terfikir kalau orang kita tak hormat ibu bapa, saya jadi sedih dan terfikir. Kenapa kena kurang ajar dengan ibu bapa? Saya belajar di luar negara sebab mak yang suruh. Saya sahut cabaran mak. Bila balik ke Malaysia saya terus bekerja pula. Tak dapat jumpa mak selalu.”</p>
		Berbuat baik dengan ibu bapa akan dipermudahkan hidup di dunia dan akhirat.	<p>“Berkat saya tolong mak ayah dulu saya senang dapat kerja, senang dapat isteri (ketawa). Segalanya dipermudahkan.”</p>

			<p>“Bila takut nak <i>exam</i>, saya call mak dan mak cakap saya boleh buat. Terus dapat ketenangan dan kekuatan. <i>Relax</i> sahaja nak hadapi <i>exam</i>. Saya apa-apa akan utamakan mak selain jaga hubungan dengan Allah Taala.”</p>
Santun sebagai Akhlak	Akal budi dalam memilih perlakuan dan tindakan sesuai konteks	Cekap memilih perlakuan yang sesuai konteks	<p>“Sentiasa ikut panduan dan prinsip DUIT, iaitu doa yang baik-baik, usaha, inisiatif dan tawakal. Insya-Allah kita akan terhindar daripada perlakuan yang buruk dan konflik berpanjangan.”</p>
		Kurangkan mengata hal orang lain dan membina persepsi negatif	<p>“Di sana (Barat) mereka tiada rasa benci dengan orang lain. Di sana kurang ‘membawang’ (aktiviti bercerita/bergosip tentang orang lain). Mereka berkumpul hanya bercakap situasi semasa contohnya tentang bola, aktiviti harian.”</p> <p>“Di sini (orang Malaysia) mudah ‘membawang’, rasa khianat, dengki dan sebagainya.”</p>

PESAN KESANTUNAN: SAUDARA RAQIB MAJID

(Artis Undangan)



“Jangan terburu-buru membalas kritikan atau kecaman. Ini dapat mengelakkan konflik berlaku antara individu dengan netizen.”

(Raqib Majid: Seminar Kembalikan Kesantunan (*Reboot Politeness*) Menuju Keharmonian Global, 23 November 2019)

Jadual 12: Ekstrak Kesantunan Oleh Raqib Majid

MODEL 4K	KAEDAH	MANIFESTASI	EKSTRAK REFLEKSI
Santun sebagai Akhlak	Akal budi dalam memilih perlakuan dan tindakan sesuai konteks	Bersabar ketika berhadapan dengan kritikan di media sosial	“Saya tak nak panggil artis tapi kita panggil <i>public figure</i> . Perkara pertama yang kita lihat ialah media sosial. Semua org akan melihat kita, gambar kita, komen kita dan sebagainya. Kita kena kawal sebaik-baiknya. Perkara pertama kena SABAR.” “Sikap sabar perlu ditekankan dalam diri individu ketika membalas sesuatu kiriman yang berbentuk kecaman di media sosial.”
		Bijak memilih kata-kata untuk elak konflik di media sosial	“Jangan terburu-buru membalas kritikan atau kecaman. Ini dapat mengelakkan konflik berlaku antara individu dengan netizen.”

			<p>Contohnya komen tentang anak pertama saya. Beratus (orang) komen tentang (cara) saya mengazankan anak yang baru lahir dengan suara yang kuat. Saya sengaja kuatkan suara. Dalam beratus komen ada satu komen yang tanya - "Kenapa saya nak azan begitu?"</p> <p>"Jadi, saya bersabar sehingga saya dapat kekuatan, berfikir barulah saya jawab dengan cara yang tidak melukakan hati orang yang komen. Maka, satu nilai paling utama untuk menunjukkan kesantunan ialah SABAR."</p>
		<p>Berdakwah dengan akhlak yang terpuji. Orang akan menghormati dan melihat kita sebagai contoh orang Islam yang sempurna.</p>	<p>"Saya ada rakan atris yang rambut <i>blonde</i>, <i>skirt</i> belah, dan cantik. Tapi apabila tengah makan, ayah saya sampai, dia boleh bangun dan bersalam dengan ayah saya walaupun tengah makan. Walhal saya bukan rapat sangat dengan beliau."</p> <p>"Dan saya pernah pergi satu <i>event</i> agama, pengalaman sebaliknya."</p> <p>"Jadi, saya terfikir bagaimana akhlak kita yang nak ditunjukkan kepada orang lain dalam kita berdakwah? Sebab itu nabi berdakwah dengan akhlak - dipandang tinggi."</p> <p>"Sekarang kita dipandang rendah bukan kerana duit atau apa, tetapi disebabkan akhlak kita yang menyebabkan kita dipandang rendah."</p>

Santun sebagai tanggung jawab sosial	Hubungan di antara manusia dengan manusia (<i>hablum minannas</i>)	Pelihara hubungan baik dengan ibu bapa untuk mendapat <i>barokah</i> hidup.	“Ketika di sekolah menengah, pengalaman saya tinggal di asrama Sekolah Sains Muzaffar Syah, Melaka. Saya tak dapat <i>straight A</i> dalam <i>exam</i> . Saya berasa malu dan memberontak. Saya akhirnya dapat jawapan kenapa saya tak berjaya. Hubungan saya dengan Allah saya rasa <i>tip top</i> , rupanya hubungan saya dengan ibu bapa kurang baik.”
--------------------------------------	--	---	---

APA KATA MAHASISWA?



FIFFY NUR ADILA MOHAMED FEROUZ

Pengarah Program

“Program Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness) merupakan sebuah program yang sangat wajar dilaksanakan bagi melahirkan masyarakat yang berbudi dan penyayang. Hal ini demikian kerana, nilai kesantunan merupakan satu aspek yang sangat penting dan perlu dititik beratkan dalam diri setiap individu bagi menghakis nilai kebencian sesama masyarakat. Pada pandangan saya, perkara asas yang perlu ditekankan dalam melahirkan masyarakat yang santun adalah, kita perlulah menjaga tingkah laku dan tutur kata yang digunakan semasa bersosialisasi sama ada dalam kelompok yang kecil apatah lagi dalam sesebuah kelompok komuniti yang lebih besar. Perkara ini boleh dipraktikkan dalam kalangan ahli keluarga dan rakan-rakan terlebih dahulu bagi mewujudkan kebiasaan dan keserasian dalam diri, persis pepatah melayu “alah bisa tegal biasa”. Apabila perkara-perkara asas tersebut sudah menjadi satu kebiasaan dalam diri seseorang, secara tidak langsung nilai kesantunan akan terpancar sedikit demi sedikit dalam aktiviti pergaulan harian tidak kira di media sosial mahupun secara berhadapan (face-to-face) dengan seseorang individu.”

“Antara perkara yang memberi kesan dan sangat bermakna kepada saya sepanjang menguruskan program Reboot Politeness ini adalah dari segi penerapan amalan bacaan surah al-Kahfi yang merupakan salah satu surah “anchor” program Reboot Politeness dalam setiap perkara yang dilakukan semasa menguruskan program. Misalnya, kami sentiasa memulakan mesyuarat dan perbincangan dengan membacakan surah al-Kahfi sebagai motivasi dan peringatan kepada semua ahli jawatankuasa terhadap misi yang ingin dibawa. Bukan itu sahaja, kami juga sentiasa mengakhiri setiap sesi perjumpaan dengan “Daily Quran Reminder” iaitu, memetik potongan ayat daripada “Food for Soul Jar” sebagai santapan rohani dan pemangkin semangat dalam menjayakan misi yang amat besar ini. Apabila al-Quran sentiasa diletakkan sebagai keutamaan dalam apa jua perkara, impak yang dirasai amatlah berbeza dengan program-program yang pernah saya jalankan selama ini. Saya berasa lebih tenang dan mudah dalam menghadapi pelbagai cabaran setiap kali membaca dan memahami kalam Allah SWT, seolah-olah dipujuk untuk terus kuat dan semangat dalam mengharungi segala liku semasa menjayakan program ini.”

“Sebagai pengarah program, saya merasakan bahawa amanah yang dipertanggungjawabkan kepada saya amatlah besar kerana misi ini merupakan sebuah perjuangan dan dakwah yang telah tertulis dalam kitab kehidupan yang menjadi pegangan seluruh umat manusia, iaitu al-Quran. Saya berasa amat berbesar hati dan bangga kerana berpeluang menjadi insan yang dipilih oleh Allah SWT sebagai penyambung kepada dakwah Rasulullah SAW kepada seluruh masyarakat. Akhir kata daripada saya, semoga nilai kesantunan sentiasa mekar dalam diri kita agar masyarakat Malaysia dikenali sebagai masyarakat yang berbudi dan penyayang di seantero dunia.”

Fiffy Nur Adila binti Mohamed Feroz (23 Tahun)

Pengarah Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program MLCOM, UIAM Pagoh)



SITI SARAH AMBOK DALEK

Penolong Pengarah Program

“Reboot Politeness adalah satu program yang sangat membantu dalam pelbagai aspek. Satu, kerjasama antara kumpulan. Bagi saya, satu rintangan yang dihadapi semasa menjalankan program ini adalah rintangan perbezaan pandangan dan cara berfikir pelajar daripada kos yang berbeza. Namun, sepanjang program ini berjalan, rintangan tersebut telah dapat dibentung kerana kita telah memupuk satu tanggungjawab untuk menjayakan misi ini bersama dan akhirnya semua jawatankuasa dan komiti yang terlibat dapat memberikan kerjasama yang kukuh. Dua, sifat santun terpupuk dengan jayanya. Sepanjang program ini berjalan, saya telah berhubung dan berjumpa dengan pelbagai lapisan generasi secara tidak langsung saya dapat mempelajari dan mengaplikasikan kesantunan yang telah dipelajari dalam subjek Kesantunan Berbahasa.”

“Ketiga, program ini sangatlah bersesuaian jika diadakan kepada generasi muda, kerana konteks yang disampaikan dalam program ini banyak membantu dalam memupuk kesantunan yang kian pudar dek zaman. Saya suka apabila program ini melibatkan pandangan dan pengalaman yang berlainan daripada individu yang berbeza. Pesan daripada ulama, pengalaman daripada pelajar luar negara dan dalam negara dan juga pengalaman dari perspektif seorang artis. Dengan ini, penonton akan merasai kehidupan daripada sudut yang berbeza. Dengan ini juga, penonton akan sedikit sebanyak menyedari betapa pentingnya kesantunan dalam kehidupan.”

Siti Sarah binti Ambok Dalek (23 Tahun)

Penolong Pengarah Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program MLCOM, UIAM Pagoh)



NUR SYAFIRA SHAMSUL AZWAN

Setiausaha Program

“Penganjuran program Reboot Politeness telah memberikan saya seribu satu pengalaman dan pengajaran yang dapat saya pegang sehingga ke hari ini. Antara perkara yang saya pelajari ialah bagi menjayakan sesuatu program, kerjasama dan kesungguhan ahli jawatankuasa memainkan peranan yang penting kerana tanpa kedua-dua perkara ini sudah tentu, program tersebut tidak dapat dilaksanakan. Pada awalnya, jumlah komiti yang agak ramai menyebabkan kami semua sukar untuk membahagikan mereka kepada

beberapa biro kecil dan bimbang sekiranya ada sesetengah ahli yang hanya “goyang kaki”. Namun begitu, nilai kebersamaan dan kerjasama yang tinggi dalam diri semua komiti menyebabkan isu-isu tersebut tidak berlaku. Sudah tentu akan timbul salah faham atau perbalahan namun, isu-isu sedemikian dapat diselesaikan dengan baik. Meskipun sasaran penonton yang diharapkan tidak dapat dicapai, tetapi saya percaya setiap daripada komiti bagi program ini dapat mempelajari banyak perkara yang tidak dipelajari dalam kelas formal. Ilmu-ilmu ini secara tidak langsung membantu kami apabila berhadapan dengan alam pekerjaan kelak.”

“Bukan itu sahaja, saya juga merasakan program ini merupakan salah satu program yang menjadi penanda aras untuk program-program lain khususnya di UIAM Pagoh kerana program ini hanyalah sebuah program bawah subjek di KLM tetapi mendapat liputan media yang meluas. Program ini juga dilihat selari dengan slogan UIA sendiri, iaitu “Garden of Knowledge and Virtue”. Diharapkan lebih banyak program sebegini dapat dilaksanakan pada masa akan datang meskipun dalam norma baharu.”

Nur Shafira binti Shamsul Azwan (23 Tahun)

Setiausaha Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program MLCOM, UIAM Pagoh)



MOHD ASYRAF RASYID

Ahli Jawatankuasa Program

“Program Reboot Politeness adalah sebuah program yang bagus dan boleh dijadikan program contoh kerana program ini melibatkan pihak luar dan juga media. Kesemua pelajar UIA yang terlibat dapat belajar untuk kendalikan sebuah program yang sangat besar berdasarkan pengalaman yang diperolehi melalui pengendalian program-program lepas. Pelajar berlatih untuk berkomunikasi dengan orang ramai dan pihak VIP serta mengajak orang sekitar Pagoh untuk menyertai program ini. Program ini berjalan dengan lancar dan tersusun dengan kerjasama pelbagai pihak yang memberi sepenuh sokongan dari segi dana dan tenaga kerja. Program Reboot Politeness adalah sebuah program yang boleh dibanggakan oleh Universiti Islam Antarabangsa kerana telah menjemput tokoh dan selebriti yang ternama dalam negara.”

“Program ini juga memberikan peluang kepada beberapa pelajar UIA bagi mengembangkan bakat mereka dalam bidang penyiaran dengan meneruskan perjuangan misi dakwah dalam rancangan TickTalk TV yang dijayakan oleh penganjur. Program sebegini boleh dianjurkan sekali lagi di masa hadapan dengan mengambil berat berkaitan beberapa masalah kecil yang dikenal pasti selepas perbincangan di akhir program. Banyak impak baik yang diperolehi oleh masyarakat dan juga komiti secara langsung mahupun tidak langsung.”

Mohd Asyraf bin Md. Rasyid (26 Tahun)

AJK Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program MLCOM, UIAM Pagoh)



NUR AQILAH ISMAIL

Ahli Jawatankuasa Program

“Program ini sangat bagus dan memberi impak yang positif kepada semua kerana kalau kita lihat zaman kini nilai kesantunan dalam diri seseorang itu semakin luntur. Kesantunan seseorang itu kita dapat lihat melalui perbuatan dan lisan mereka. Cara mereka bercakap dan bertindak memainkan peranan yang cukup besar. Jadi, pada saya, program ini banyak menyedarkan kita tentang betapa pentingnya kesantunan dalam diri dan kemudiannya secara tidak langsung kita sendiri akan tergerak hati untuk menjadi orang yang lebih baik dan santun dalam setiap tindakan serta lisan kita.”

santun dalam setiap tindakan serta lisan kita.”

Nur Aqilah binti Ismail (23 Tahun)

AJK Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program MLCOM, UIAM Pagoh)



MOHD HALIM ZAINUDDIN

Ahli Jawatankuasa Program

“Berdasarkan pengalaman saya mengikut program Reboot Politeness pada tahun 2019, saya telah mendapat pelbagai ilmu kesantunan berdasarkan ajaran Islam yang luhur. Terdapat pelbagai pengisian yang menarik dan bermanfaat seperti ceramah khas yang disampaikan oleh Dato Noh Gadut yang merupakan penasihat agama Islam negeri Johor. Kata beliau, kesantunan amat sinonim dalam agama Islam dan setiap penganutnya digalakkan untuk mengamalkannya dalam pelbagai aspek bagi mempamerkan

keindahan Islam. Selain itu, panel-panel jemputan seperti Raqib Maqib, Afiq Ismail dan Akmal turut berkongsi pengalaman mereka berkaitan kesantunan bagi memberikan inspirasi kepada orang ramai. Pada pendapat saya, program seperti ini perlu diperluaskan agar kesedaran masyarakat terhadap kesantunan lebih menyeluruh. Pada masa kini, terutamanya pengguna media sosial semakin pudar nilai kesantunan ketika berkomunikasi di alam maya. Kita dapat lihat pelbagai kata cacian dan makian yang dilemparkan di ruangan komen tidak mengira peringkat umur. Oleh itu, program seperti ini perlu dan wajar untuk diusahakan agar masalah ini dapat dibendung dengan lebih awal.”

Mohd Halim bin Zainuddin (23 Tahun)

AJK Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program MLCOM, UIAM Pagoh)



NURUL HANI MUKHTAR

Peserta Program

“Saya boleh katakan bahawa kesantunan merupakan aspek yang amat penting untuk ditekankan dalam hidup. Hal ini dikatakan demikian kerana hormat daripada orang sekeliling akan diperoleh berdasarkan kesantunan yang kita amalkan dalam hidup. Santun bukan sahaja perlu diamalkan sesama manusia, bahkan dengan haiwan. Pada masa kini, kewujudan perkataan-perkataan yang kurang sopan dilihat menjadi asbab kepada rosaknya komunikasi dalam golongan anak muda dan seakan diterima dalam masyarakat atas alasan perkataan yang kurang

sopan itu mampu mewujudkan elemen mesra antara komunikator. Perkara seperti ini perlu dikekang dan saya percaya bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Biasakanlah anak-anak untuk menyebut serta bercakap menggunakan perkataan yang baik baik di rumah. Jadi saya rasa bahawa program tersebut amat baik dan berkesan untuk memberi impak serta kesedaran kepada masyarakat khususnya golongan muda yang akan menjadi tonggak negara kelak supaya negara kita dihormati serta dipandang mulia dari segi adab & kesantunan.”

Nurul Hani binti Mukhtar (23 Tahun)

Peserta Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Ketiga, Program MLCOM, UIAM Pagoh)



NOR MADIHAH HARUN

Peserta Program

“Reboot Politeness merupakan sebuah program bual bicara yang memberikan impak positif kepada para pendengar. Hal ini kerana program tersebut telah membicarakan perihal kesantunan daripada pelbagai aspek kehidupan bermasyarakat. Saranan saya, program sebegini wajar diteruskan kerana mampu memberi pendedahan kepada masyarakat untuk mengamalkan aspek

kesantunan terutamanya ketika berkomunikasi. Hal ini kerana kesantunan merupakan cerminan keperibadian seseorang.”

Nor Madidah binti Harun (26 Tahun)

Peserta Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Alumni, Program MLCOM, UIAM Pagoh)



MOHD SHAFIQ AZIQ

Peserta Program

“Shaf rasa pendapat shaf la kan, yes bagi shaf sekarang kesantunan dlm klg pelajar skang dah mcm kurangla, so mcm kalau u lihat kesantunan tu maybe bukan dari aspek percakapan but tingkah laku and perilaku seseorang pun menunjukkan kesantunan seseorang, sebagai cth, maybe kalau cara shaf bercakap dengan orang sangat sopan but sometime shaf punya tingkah laku menunjukkan shaf ni mcm tak respect org sgt, and shaf pun pernah la sedar that ada certain pelajar tak hormat dengan cleaner2 di universiti. I mean like ada Yang

pandang rendah so the question is where we can measure the kesantunan seseorang itu? Maybe dengan kawan, dengan staf semua, and shaf rasa yes melalui program ni shaf rasa sgt bernilai dan berkesan sbb program mcm ni menunjukkan kita cara kita bersantun dengan org macm mana semua, yeah and finally la kan, cuma maybe some people tak bersantun ni bukan sbb dia tu jahat ke nakal ke but ego dia tinggi that's my pov.”

Mohd Shafiq Aziq (24 Tahun)

Peserta Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program ARCOM, UIAM Pagoh)



USTAZ ABDUL HADI

Peserta Program

“Program “Reboot Politeness” betul-betul memberi kesan dalam diri saya kerana ianya dapat membantu kita untuk memperbaiki diri sebagai seorang muslim di mana terdapat satu slot dalam program ini menyediakan carta “Resolution Ar Rahman” dan diedarkan kepada semua peserta dan kami dikehendaki untuk mentadabbur surah Ar Rahman dan ia mudah untuk dirujuk dan sangat praktikal. Misi yang dibawa sangat bertepatan dengan jiwa seorang muslim yang berjaya di mana kita hendaklah menjaga hubungan dengan Pencipta, hubungan sesame insan dengan mengamalkan komunikasi yang baik seperti

menggunakan perkataan yang baik, mengamalkan kesantunan dan mengelak konflik dan juga hubungan dengan alam. Diharapkan program seperti ini dapat dijadikan program tahunan di semua institusi pendidikan demi melahirkan ummah yang berjaya besar.”

Abdul Hadi bin Abd. Aziz (38 Tahun)

Peserta Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Pusat Pengajian Bahasa, UTHM Pagoh)



MOHD HANIF NAIM

Peserta Program

“Pada tahun 2019, saya ada terlibat dalam satu program besar Reboot Politeness. Terdapat banyak ilmu yang saya pelajari daripada program tersebut. Bermula dengan sesi tahajjud beramai-ramai, saya berpendirian bahawa program seperti itu berjaya menyatukan hampir semua pelajar Mahallah dan diikuti pula dengan program di bawah seliaan MRC “Rahsia Insan Cemerlang Hidup”. Encik Fazrul daripada Yayasan Ummah Ikhlas dan Cik Siti Hawa daripada Nasuha Spices merupakan pembicara yang sangat hebat, mereka berkongsi rahsia hidup mereka. Melalui slot sedemikian saya belajar untuk mengintegrasikan firman Allah dalam untuk kita menjadi seorang manusia yang berjaya. Antara surah yang ditadabbur bersama sama ialah Surah Ar-rahman. Selepas subuh, program Reboot Politeness yang membicarakan tentang “talk on reboot politeness towards Malaysia and global harmony”. Antara pembicara yang dihormati ialah Ybhg Dato Nooh Gadot seorang ulama besar di Malaysia.”

“Aktiviti dimulakan dengan pengisian Pesan Kesantunan oleh ulama Datuk Dr Nooh Gadot yang juga Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor diikuti dengan Sesi Tadabbur & Tazakkur bersama Ketua Pegawai Penyelidik WUIF, Fazrul Ismail dan perkongsian daripada anak muda, Afiq Ismail yang dikendalikan moderator Akhmal Hakim Mohamad. Bagi saya, program ini memberi impak secara drastik kepada saya terhadap kepentingan kesantunan dalam hidup. Saya mendapati bahawa nilai kesantunan termasuklah sifat lemah lembut, berbuat baik, belas kasihan dan berhemah merupakan nilai dan sifat mahmudah yang perlu diteladani oleh segenap lapisan masyarakat. Penganjuran seperti ini adalah satu kewajaran yang boleh untuk diadakan bagi melangsungkan impak kepada semua remaja khususnya bagi mengetengahkan isu kesantunan dan perspektif Islam dalam kejayaan semua orang. Orang yang berbudi dan mempunyai nilai kesantunan yang tinggi merupakan satu kejayaan yang perlu untuk dimiliki semua insan.”

Mohd Hanif bin Naim (23 Tahun)

Peserta Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program ARCOM, UIAM Pagoh)



NAQIB ZULKIFLI

Peserta Program

“Recently, I had the chance to join a program named Reboot Politeness. At first, I never thought that this program would be this impactful and remarkable to me. However, it all changed when I joined one of the programs and I saw how potential this program is; that I believe it can go miles further than where it stands now. The contents were all I could say ‘expensive’ to be shared for free with the audiences. Islamic knowledge delivered in a modern way is not easy to find these days and these people got to organise it well. The benefits from the program will return back in the future with the birth of a number of polite, knowledgeable Islamic students. Kuddos to the organizer team and I would happily say, this type of program should be held again and again as this will bring KLM’s name into something bigger than it already be.”

Mohd Naqib bin Zulkifli (24 Tahun)

Peserta Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program ENCOM, UIAM Pagoh)



AINUL AFIQIN

Peserta Program

“This program was what I could consider saying as worth the time and experience. The program was given a very short, simple yet impactful name with the title ‘Reboot Politeness’. The name itself is powerful enough to trigger a wide number of audience curiosity and try to figure out more on this program by joining it. Through the name only, it has proven how genius the people behind this program were. They got to come out with a very impactful title, what’s more preparing the contents for the program.” As how significant the program’s name was, the contents scheduled during the program were not as bad. Every each of the speakers and their sharing deserves nothing but a standout for their impressive words and knowledge shared within the time given. I believe this program has its own beneficial impacts towards the ummah directly and indirectly.”

“In my humble opinion, program like this should be held once or twice a year to maintain the impacts towards the audiences; be it new or existing one. A sustainable program is the best of what a team could ever establish.”

Ainul Afiqin binti Abd. Aziz (23 Tahun)

Peserta Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program ENCOM, UIAM Pagoh)



MOHAMMAD IKRAM

Peserta Program

“ ‘Reboot Politeness’. The name itself tells a lot about the program and the good benefits.”

“ There’s no other word than impressive to describe about this program. The almanacs were all nicely scheduled for the audience and have its own powerful approach holistically towards them.”

“There should be a lot more of programs like this in the future if I may suggest. Working towards a better ummah for the future.”

Mohammad Ikram bin Ab. Rahim (24 Tahun)

Peserta Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program ENCOM, UIAM Pagoh)



NAJIHAH NASRIN

Peserta Program

“To be joining a program which I was doubting on its potential at first, and see how great it was, changed my whole taught about this program.”

“Each of the program scheduled in this ‘Reboot Politeness’ were thought through excellently by the team that it has its own impacts. Amazing, beneficial, and fantastic. Those are the words that suits this program. I am still amazed by the program up until today.”

“Please continue organizing programs like this. It might look small but the potential is bigger than we could ever imagine.”

Najihah Nasrin binti A. Ismail Jinna (23 Tahun)

Peserta Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program ENCOM, UIAM Pagoh)



MEOR LUQMAN

Peserta Program

“From me, program Reboot Politeness tu it is good for youth who are start to apa orang panggil memulakan langkah di Alam Universiti. Sebab apa yang pertamanya dari segi kejutan budaya (culture shock) kerana bermula fasa peralihan minda budak2 kepada minda dewasa. Jadinya apa yg disampaikan oleh Dato Noh Gadot tu dari segi penekanan adab seingat saya.”

“Ingat lagi ayat beliau “tak kisahlah kau Dato ke Professor ke Tan Sri keee kalau jalan dalam masjid lalu depan orang kau kene tunduk” Dato Noh Gadot siap tunjuk lagi cara jalan tunduk. Jadinya penekanan adab tu penting dan disertakan dengan ilmu. Erti kata mudah adab no. 1, ilmu no. 2. Dari segi pelaksanaan program sangat2 bagus program dimulakan dengan Asmaul Husna. Menitik beratkan unsur2 Islam dalam memula dan mengakhiri sebuah majlis ilmu sangat2 superb.”

“Pada pandangan saya program tu sedikit sebanyak memberi kesan untuk pertuturan kita, tingkah laku dan barulah menuntut ilmu supaya kita tak terjerumus dalam perkara yang bukan jadi tuntutan sebagai org islam. Kita berjalan tunduk bukan sebab takut, bukan sebab orang lain jalan tunduk tapi sebab kita hormat.”

Meor Luqman Nur Haqem bin Mohd Asri (20 Tahun)

Peserta Program

Kembalikan Kesantunan (Reboot Politeness)

(Mahasiswa Tahun Akhir, Program Kejuruteraan Mekanikal, UTHM Pagoh)

KESIMPULAN

Hakikatnya, seperti yang telah disebut di bahagian awal bab ini, setiap manusia mempunyai asas akhlak yang baik dan terpuji hasil didikan dalam sesebuah keluarga apatah lagi agama yang mereka anuti. Hal ini disebabkan setiap agama sudah pasti mengajarkan sesuatu yang baik dan wajar dipatuhi. Namun, cabaran dan kekangan dalam merencahkan kehidupan dalam era globalisasi hari ini memungkinan setiap individu kehilangan nilai yang ada demi mengejar kepesatan teknologi. Dalam mengejar kejayaan dalam hidup, manusia lupa bahawa mereka harus menggalas beban nilai murni di bahu masing-masing sehingga menyebabkan mereka tewas dalam melawan hawa nafsu dan keserakahan hidup.

Justeru, *reboot* kesantunan itu perlu atas prinsip bahawa setiap insan itu diciptakan dengan sifat yang baik dan mulia. Asas ini yang harus dibugar dan dipupuk kembali agar mereka dapat sentiasa mengekalkan jati diri dan akhlak yang terpuji walau mendepani pelbagai situasi di masa hadapan. Situasi yang digambarkan di atas dapat dipaparkan seperti carta di bawah.

MANUSIA ITU SEBENARNYA...



Carta 4: Manusia dan Nilai

Program seperti yang telah dilaksanakan ini merupakan salah satu usaha dalam memupuk kesedaran masyarakat terhadap pentingnya melakukan jihad nilai terutama kesantunan dalam diri masing-masing untuk mencapai kehidupan yang harmoni dan bebas konflik. Ia juga merupakan salah satu usaha untuk menyemarakkan semangat menghindar kebencian dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini seperti mana yang dilakukan oleh pihak WUIF selaku penaja utama. Diharapkan dengan penghasilan buku ini dapat memberi panduan kepada mana-mana pihak dalam usaha merangka suatu program yang berkonsepkan nilai serta pengisiannya dari perspektif al-Quran, hadis dan sunnah.

BIBLIOGRAFI

- Arina Johari & Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 16(2), 73-94
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Indirawati Zahid. (2005). Bahasa Bebas Konflik. *Dewan Bahasa*, 24-27
- Norhana Bakhary. (2014). Strategi Kesantunan Berbahasa Masyarakat Adat Perpatih Dalam Kata Perbilangan. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 239-271.
- Nur Izzliyana Azwa & Nordiana Ab. Jabar. (2020). Menelusuri Kesantunan Berbahasa Merentas Budaya Buya Hamka Menggunakan Model Pertuturan Hymes Dell. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 8(1), 41-55.
- Rusdi Room. (2013). Konsep Kesantunan Berbahasa Dalam Islam. *Jurnal Adabiyah*, 13(2), 223-234.
- Sara Beden. (2019). Prinsip dan Strategi Kesantunan Penulisan Dalam Artikel Ruangan Agenda Bahasa. *Issues in Language Studies*, 8(1), 105-129.
- Tenas, E. (2011). *Kesantunan dan Semangat Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Wan Siti Fatimatul Akmal W. Hassan & Suhaila Zailani @ Ahmad. (2019). Strategi dan Panduan Kesantunan Bahasa Menurut Perspektif Islam. *ISLÓMIYYÓT* 41(1) 2019: 117 - 124.
- <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/graduan-biadab-um-buat-laporan-polis-220081>
- <https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/05/09/anak-setan-pakai-tudung-warganet-kecam-komen-biadap-terhadap-pelajar-dedah-gurauan-rogol/>
- <https://www.malaysiakini.com/news/561578>

<https://www.malaysiasinarharian.com/2021/06/budak-bawah-umur-ini-membimbangkan.html>

<https://www.sinarharian.com.my/article/56209/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Meriahkan-Seminar-Reboot-Politeness-Towards-Malaysia-amp-Global-Harmony>

<https://www.sinarharian.com.my/article/75818/KHAS/>

<https://www.sinarharian.com.my/article/34586/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Apabila-murid-berani-menghina-cikgu>

<https://www.quranhour.org/kempan-reboot-harmony-kembalikan-kesantunan-dalam-masyarakat/>

LAMPIRAN 1



Artikel Reboot Politeness di Sinar Harian



Promosi Program Reboot Politeness dalam rancangan Assalamualaikum di TV-Alhijrah

BMCO2107 | BMCO 3102 | ENCO3101 | IIUM PAGOH



Akhmal
Moderator

Afiq Ismail
Influencer

Raqib Majid
Artist

Tn Fazrul Ismail
CCO Yayasan
Ummah Ikhlas

YBhg Dato' Nooh Gadot
Ulama'

Talk on reboot Politeness

towards
MALAYSIA & GLOBAL
HARMONY

Student RM3
Public RM10

23 NOV
2019
8:00 AM-12:30 PM
Convention Hall,
Shared Facilities,
EDU HUB, Pagoh

We also have "special performance" from Raqib Majid

For registration, contact: Sis Eno : 60196275494 / Sis Fizah : 60109229162



Poster Program Reboot Politeness

Kembalikan kesantunan dalam masyarakat

Pengisian Seminar *Reboot Politeness Towards Malaysia & Global Harmony* pada 23 November ini

KEHIDUPAN kita pada akhir zaman banyak berhadapan dengan pelbagai cabaran dan tekanan. Untuk hidup berdaya saing, adakalanya kita begitu mementingkan diri hingga terhakis akhlak mulia yang perlu diungguli sebagai Muslim.

Untuk mengajak orang ramai kembali menjadi bangsa berbudu penyayang, kempen *Reboot Towards Malaysia & Global Harmony* bakal digerakkan oleh Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) bermula tahun 1441H dan 2020.

Pelajar-pelajar daripada Jabatan Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa dan Jabatan Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa, Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Pagoh di Muar, Johor menyahut kempen tersebut dengan menganjurkan Seminar *Reboot Politeness Towards Malaysia & Global Harmony*

reboot
Malaysia & Global
Harmony

dengan kerjasama WUIF dan Rumah Ngaji.

Bertemakan *Kembalikan Kesantunan menuju keharmonian Malaysia dan Global*, seminar itu akan diadakan di Dewan Konvensyen, Hub Pendidikan Tinggi, Pagoh pada jam 8 pagi hingga 12.30 tengah hari pada 23 November ini.

Aktiviti bakal dimulakan dengan pengisian Pesan Kesantunan oleh ulama Datuk Dr Nooh Gadot yang juga Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor diikuti dengan Sesi Tadabbur & Tazakkur bersama Ketua Pegawai Penyelidik WUIF, Fazrul Ismail dan perkongsian daripada anak



DARI kiri Marhaini dan Sahabah al-Quran, Sofiya Satuyah Rasin, Nor Zainiyah, Arina serta Fily Nur Adlia bersama penggerak Seminar *Reboot Politeness Towards Malaysia & Global Harmony* yang bakal diadakan di Dewan Konvensyen, Hub Pendidikan Tinggi, Pagoh pada penghujung November ini.

muda, Afq Ismail yang dikendalikan moderator Akhmal Hakim Mohamad.

Turut diadakan persembahan hos dan selebriti agama, Raqib Majid.

Ketua Pegawai Eksekutif WUIF, Marhaini Yusoff berkata, program tersebut menjadi momentum penting untuk menggerakkan kempen *Reboot Malaysia & Global Harmony* ke arah World #QuranHour pada 13 Mei 2020 bersama 20

Ramadan 1441H dan Malaysia #QuranHour pada 30 Ogos pada tahun hadapan.

"Tema #QuranHour kali ini membawa Surah al-Rahman dan Surah al-Kahf ayat 19 yang menunjukkan nilai kesantunan termasuk sifat lemah lembut, berbuat baik, belas kasihan dan berhemah.

"Semoga mesej kesantunan yang akan dikongsikan oleh pentadabbur, tokoh ulama dan anak muda dapat dimanfaatkan seterusnya mewujudkan keharmonian rakyat di negara ini," katanya.

Sempena seminar tersebut, majlis penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Video Pendek *Reboot Politeness* turut diadakan pada hari tersebut.

Pertandingan tersebut mengangkat nilai kesantunan yang terbuka kepada pelajar institusi pengajian tinggi di seluruh negara hingga 15 November ini.

Selain itu, orang ramai dijemput hadir ke program *Rahsia Insan Cemerlang Hidup* (RICH 10.0) bertajuk *Legasi ke Syurga* di Musollah Mahallah

Zaid Harithah, UIAM Kampus Pagoh, jam 4.30 pagi hingga 7.30 pagi pada hari tersebut. Antara tetamu jemputannya ialah Pengarah Urusan Mak Siti Products (M) Sdn Bhd, Siti Khawah Jannah Nasuha akan berkongsi pengalaman beliau dalam sesi *Bersama Tokoh*.



ARINA



NOR ZAINIYAH

yang mengambil kursus BMCO 3102 Kesantunan Berbahasa; BMCO 2107 Pragmatik dan Wacana bagi Program Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa dan ENCO 3101 Semantics bagi Program Bahasa Inggeris Untuk Komunikasi Antarabangsa.

"Seminar *Reboot Politeness* menepati matlamat untuk menyemarakkan sifat santun dan mengembalikan nilai santun dalam diri setiap individu iaitu berbuat baik, menjaga lisan dan menasihati perkara yang baik di antara satu sama lain.

"Golongan sasaran bagi kedua program tersebut ialah pelajar UIAM (Pagoh dan Gombak), Universiti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, politeknik, sekolah, badan kerajaan dan masyarakat setempat," katanya.

Nor Zainiyah pula berkata, pengajaran seminar itu secara tidak langsung akan memberi pendedahan tentang dunia pekerjaan kepada para pelajar.

Orang ramai dialu-alukan memberi sumbangan bagi menjayakan Seminar *Reboot Politeness towards Malaysia & Global Harmony* melalui UIAM Operating Account, Bank Nuumalast 1407-000004-71-6 dan boleh hubungi 013-661 6313.

BMCO2107 | BMCO 3102 | ENCO3101 | IZUM PAGOH

WORLD #QuranHour

Akhmal Moderator
Afq Ismail Influencer
Raqib Majid Artist
Ya Farid Ismail COO Yayasan Ummah Ikhlas
YBhg Dato' Nooh Gadot Ulama

Talk on
reboot
Politeness
towards
MALAYSIA & GLOBAL
HARMONY

Student RM3
Public RM10

23 NOV 2019
8:00 AM-12:30 PM
Convention Hall,
Shared Facilities,
EDU HUB, Pagoh

We also have "special performance" from Raqib Majid

For registration, contact: Sis Eno : 60196275494 / Sis Fizah : 60109229162

UIAM, BMCO, ENCO, MPP, MPP, MPP

Artikel mengenai program Reboot Politeness di Sinar Harian Online.



Bacaan ayat suci al-Quran sebagai pembuka majlis oleh Saudara Halim daripada kursus MLCOM.



Pengacara majlis.



Pembacaan Ikrar Pemuda Al-Kahfi oleh wakil pelajar UIAM.



Sesi pembacaan ikrar Pemuda Al-Kahfi oleh sebahagian pelajar UIAM.



Sebahagian pelajar UIAM yang terlibat dalam program Reboot Politeness bergambar bersama-sama placard program sumbangan daripada pihak WUIF.



Sebahagian pelajar yang terlibat dalam Program Reboot Politeness melakukan pendaftaran masuk ke dewan sebelum acara bermula.



Wakil peserta daripada Rumah Ngaji Daerah Muar.



Poster Program.



Sebahagian daripada pelajar kursus ENCOM dan ARCOM yang terlibat dan hadir ke program Reboot Politeness



Sebahagian daripada pelajar dari Sekolah Menengah Maa'had Tahfiz Daerah Muar yang menghadiri program Reboot Politeness.



Sebahagian daripada pelajar kursus MLCOM yang terlibat dalam program Reboot Politeness.



Sebahagian peserta, pensyarah dan tetamu undangan yang menghadiri program Reboot Politeness



Wakil peserta yang mewakili Rumah Ngaji daerah Muar.



Panel 1 dan 2 dalam Seminar Reboot Politeness



Dato' Dr Hj. Noh Gadot
Sidang akhbar 23 November 2019 di Hub Pendidikan Tinggi Pagoh




Pihak WUIF, pensyarah UIAM dan panel jemputan dalam Program Reboot Politeness.

Kiri: **Pn. Marhaini Yusof** (CEO WUIF), **Raqib Majid** (artis undangan), **Dato' Dr Hj Noh Gadot**, **Afiq** (influencer media sosial), **Dr. Arina Johari** (pensyarah kursus Bahasa Melayu UIAM), **Dr. Nor Zainiyah Norita Mokhtar** (pensyarah kursus Bahasa Inggeris UIAM dan **Akhmal Hakim** (wakil pelajar UIAM).



Penyerahan cenderahati daripada pihak WUIF kepada Dato' Dr. Hj. Noh Gadot. Dari kiri: Pn. Marhaini Yusof (CEO WUIF), Dato' Dr. Hj. Noh Gadot dan Dr. Arina Johari (pensyarah UIAM dan penasihat Program).



Kad resolusi surah Ar-Rahman daripada pihak WUIF.



Sesi cabutan bertuah.



Barisan komiti tertinggi program Reboot Politeness bersama-sama pensyarah, tetamu undangan dan CEO WUIF



Temu bual mengenai program Kembali Kesantunan di Sinar Harian Online.



Artikel di Sinar Harian Online - Reboot Politeness

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/56209/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Meriahkan-Seminar-Reboot-Politeness-Towards-Malaysia-amp-Global-Harmony>

BMCO2017 | BMCO 3102 | ENCO3101 | IUM PAGOH

reboot
Politeness
 towards
 Malaysia & Global Harmony

SHORT VIDEO COMPETITION

CLOSING DATE: 31 DECEMBER 2019

THEME:
REBOOT POLITENESS TOWARDS MALAYSIA & GLOBAL HARMONY

Communication is the key of humanness. The way we communicate shapes our lives and our world. Social graces through **POLITENESS** will develop and maintain tranquility of the nation. Let us Reboot **POLITENESS** towards Malaysia & Global Harmony.

Terms & Conditions:

1. Theme: Reboot Politeness towards Malaysia & Global Harmony.
2. Registration is FREE.
3. Open to ALL HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTION STUDENTS in Malaysia.
4. Each video submitted should portray **POLITENESS** as Quranic value that should be inculcated towards developing Malaysia as a Compassionate Nation.
5. Video must be with subtitles and can be presented in Bahasa Melayu, English or Arabic.
6. **MAXIMUM** 5 minutes duration.
7. Videos must be from **ORIGINAL** idea.
8. Terms & Conditions together with Video Registration information: bit.ly/rebootpoliteness
9. Closing Date: 31 December 2019.

PRIZES TROPHY & CERTIFICATES

BEST VIDEO
RM 1,000.00

BEST DIRECTOR
RM 500.00

VIDEO WITH MOST SOCIAL MEDIA INTERACTION
 (COMMENT, LIKE, SHARE)
RM 700.00

For further inquires, please contact:
019-236 7898 (SALWA)
011-3757 8996 (RASYDAN)

Poster Pertandingan Video Pendek Reboot Politeness

Sumber: <https://www.facebook.com/WorldQuranHour/posts/2477142972502679>



Pemenang Pertandingan Video Terbaik.

Keterangan gambar:

Izzat Hamzah, 23, penuntut jurusan Pendidikan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak bersama pasukannya, **Ashraf Zulkifly, 22**; **Nabil Nukman, 22** dan **Izzhakimi Ibrisam, 22**, berjaya meraih RM1,000 dan RM500 bagi kedua-dua kategori.

Sumber:

Artikel Penuh: <https://www.sinarharian.com.my/article/75818/KHAS/>



Pemenang Video Paling Interaktif yang berjaya mencuri hati netizen adalah video pendek **Warkah Ibu** oleh pelajar UIAM Pagoh, **Muhammad Firdaus Jamaludin, 20**.

Sumber:

Artikel Penuh: <https://www.sinarharian.com.my/article/75818/KHAS/>